



AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

2009



MENGAWAL, MELINDUNG, MENYELAMAT

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah	4
MAKLUMAT KORPORAT	7
Pengurusan Tertinggi	8
Carta Organisasi	10
Latar Belakang	12
Kronologi	12
Visi, Misi dan Matlamat Strategik	13
Objektif Strategik	13
Nilai Murni (Nilai Individu / Individu Organisasi)	14
Ikrar	18
Undang-Undang dan Peraturan APMM	18
BAHAGIAN PEJABAT KETUA PENGARAH	19
Pusat Latihan APMM	20
Pasukan Tindakan Khas Dan Penyelamat	22
Cawangan Siasatan Dan Undang-undang	23
Cawangan Dasar Maritim Dan Perhubungan Antarabangsa	24
Unit Latihan Operasi	26
Aktiviti Perhubungan Awam	29
BAHAGIAN OPERASI	36
Cawangan Carilamat Dan Bantuan Bencana	51
BAHAGIAN LOGISTIK	65
BAHAGIAN PENGURUSAN	71
Cawangan Sumber Manusia	72
Cawangan Pentadbiran Dan Keurusetiaan	85
Cawangan Kewangan Dan Belanjawan	87
Cawangan Naziran / Tim Perintisan Pengurusan Aset	88
Cawangan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	89
LAMPIRAN	95
Lawatan Kerja Dan Kunjungan Hormat	96
Aktiviti Sosial Dan Kebajikan	102
Peristiwa Penting	104
Anugerah Dan Penghargaan	106
Penyandang Ketua Pengarah	110
Diari Pelawat Tempatan Dan Luar Negara	111
Senarai Akta-Akta Dan Undang-Undang	114
Pelanggan Maritim Malaysia	116
Aktiviti Promosi / Pameran	118
Rancangan Khas Media Elektronik	121

PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Kelulusan kabinet membentuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 21 Ogos 2002 merupakan satu inisiatif kerajaan untuk mengatasi masalah pertindihan fungsi, bidang kuasa, kawasan operasi dan pembaziran sumber di kalangan 11 agensi maritim sedia ada. Setelah melakukan kajian dan peramatan yang terperinci maka penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM telah diiktiraf dengan rasminya pada 15 Februari 2005, iaitu bersempena dengan penguatkuasaan Akta APMM (Akta 633).

Sejak itu, Agensi telah menjalankan kewajipan sebagai agensi keselamatan yang menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia (ZMM) bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan para pengguna, rakyat dan negara ini. Pada 6 Jun 2006, Agensi telah mengambil alih tugas penyelaras Mencari dan Menyelamat (Carilamat) maritim daripada Jabatan Laut.

Untuk meningkatkan impak positif terhadap imej Agensi selaku pemain utama dalam industri penguatkuasaan dan keselamatan maritim negara, singkatan APMM telah diberi penjenamaan semula sebagai 'Maritim Malaysia' pada 13 Oktober 2008.

Pembentukan sebuah organisasi dinamik dan cemerlang seperti Maritim Malaysia yang bercirikan *outcome based* memerlukan gabungan pelbagai faktor dalam kesepakatan tenaga dan pemikiran, kesediaan mengadaptasi perubahan, keupayaan mengatasi cabaran menerusi kreativiti dan inovasi serta kekuatan mengekalkan kecemerlangan.

Prestasi cemerlang warga kerja dalam Penguatkuasaan dan Carilamat serta penonjolan idea-idea dinamik pegawai-pegawai kanan dalam beberapa forum antarabangsa sejak tahun 2006, telah mengangkat martabat Maritim Malaysia sebagai 'Agensi Keselamatan Maritim Asia Pasifik Tahun 2009' yang dianjurkan oleh *Frost&Sullivan* di Singapura. Justeru, Maritim Malaysia telah membuktikan tempoh baru penubuhan agensi bukan penghalang untuk melakar kegemilangan bagi setiap warga kerja yang mempunyai tekad dan iltizam yang tinggi. Berdasarkan faktor itu, Maritim Malaysia harus melipat gandakan usaha bagi memastikan manfaat terus dinikmati oleh rakyat sebagaimana prinsip kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Antara faktor yang paling penting untuk mengekalkan kecemerlangan organisasi adalah dedikasi dan komitmen setiap warga Agensi. Kesungguhan warga kerja Maritim Malaysia telah diterjemahkan menerusi KPI Bahagian bagi memenuhi pengisian Visi dan Misi serta Teras Kerja seperti yang direncanakan dalam Pelan Pembangunan Strategik (PPS) 2040.

Sungguhpun begitu, sebagai sebuah organisasi yang baru berusia 5 tahun, cabaran utama yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak ialah masalah kekurangan sumber manusia,

aset, pangkalan dan infrastruktur. Saiz ZMM yang merangkumi kawasan perairan seluas 614,000 kilometer persegi secara korelatifnya menuntut tugas Penguatkuasaan dan Carilamat bukan saja diaktifkan di atas permukaan laut malah merangkumi kawasan di bawah permukaan serta ruang udara yang berada di atasnya.


Oleh itu, Maritim Malaysia telah melaksanakan pelbagai program pembangunan seperti memperolehi tambahan kira-kira 5000 orang pegawai/anggota penguat kuasa secara berperingkat, membina pangkalan, jeti, stesen udara, pusat latihan dan perolehan aset-aset yang strategik dan berteknologi tinggi bagi mengekalkan kesinambungan sebagai organisasi yang dinamik serta mampu menjadi antara agensi penguat kuasa maritim yang terbaik di dunia.

Sungguhpun pada masa ini pangkalan-pangkalan Maritim Malaysia beroperasi dalam bangunan sewa serta berkongsi jeti dengan agensi lain, namun agensi telah diberi peruntukkan yang sewajarnya pada setiap tahun bagi melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Kerajaan juga telah menyediakan bajet senggaraan untuk memastikan kapal dan bot-bot lama yang disumbangkan oleh agensi-agensi terdahulu dapat berfungsi dengan optima. Oleh itu, Agensi berharap kerajaan akan menyalurkan peruntukkan yang mencukupi dalam bajet RMK-10 sesuai dengan pelan pembangunan dan penstrukturan semula bagi menggalas amanah serta tanggungjawab yang semakin kompleks dan mencabar khasnya dalam menghadapi perubahan dunia tanpa sempadan.

Walaupun menghadapi pelbagai kekangan, Maritim Malaysia meneruskan program menambah baik dan pemodenan aset-aset sedia ada seperti kapal, bot, pembelian helikopter baru, pemasangan *Malaysia Sea Surveillance System* (MSSS) di Wilayah Sabah, menambah baik MSSS di Selat Melaka dan Command, Control, Communication and Intelligence (C3I) Systems. Di samping itu, Agensi juga sedang melaksanakan pembangunan projek *Sabah Sea Surveillance System* (Sabah SSS) dan fasa kedua projek C3I.

Sehingga Disember 2009, jumlah aset telah meningkat kepada 131 kapal dan bot pelbagai kelas/jenis termasuk perolehan baru iaitu 3 helikopter AS365 N3 Dauphin, 2 pesawat amfibia CL 415 MP, 2 bot Penggalang dan 13 bot laju RHIB. Di bawah RMK-9, APMM juga akan menerima 3 helikopter AW139, 18 bot pemintas laju (FIC), 6 bot Penyelamat, 6 RHFB dan 2 radar mudah alih. Kesemua aset-aset ini akan dilengkapi dengan teknologi canggih bagi memaksimumkan aplikasinya dengan berkesan di ZMM.

Berdasarkan kepada tanggungjawab dan cabaran semasa, Agensi akan meneruskan pelan pembangunan di bawah RMK-10 menerusi perolehan-perolehan aset yang lebih canggih dan termoden bagi memastikan agensi sebagai organisasi Penguat kuasa dan Carilamat yang kredible dalam menghadapi apa jua situasi di ZMM. Selain itu, pengisian program latihan dan pendidikan yang dinamik bagi melahirkan warga kerja yang memiliki nilai-nilai kompetensi yang tinggi lagi cemerlang akan sentiasa menjadi keutamaan dalam pelan pembangunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.



**LAKSAMANA MARITIM
DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH
KETUA PENGARAH**



MAKLUMAT KORPORAT



PENGURUSAN TERTINGGI

KETUA PENGARAH

LAKSAMANA MARITIM

DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH





TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' NOOR AZIZ BIN YUNAN



TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)

Y.M. DATO' RAJA HYDAR BIN RAJA ISKANDAR



TIMBALAN KETUA PENGARAH (LOJISTIK)

LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN LENGANG



CARTA ORGANISASI

AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA




**KETUA PENGARAH
UTAMA A (TERBUKA)**
LAKSAMANA DATUK MOHD AMIDAN
BIN KURISH



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (OPERASI)**
**PEGAWAI PENGUATKUASA
MARITIM UTAMA B**
LAKSAMANA MADYA MARITIM
DATO' NOOR AZIZ BIN YUNAN



**CAWANGAN PENGUATKUASAAN
& EKSESAIS**
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
AHMAD PUZI BIN AB KAHAR



CAWANGAN PERISIKAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATUK ZAINAL ABDIN BIN IBRAHIM



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (LOGISTIK)**
**PEGAWAI PENGUATKUASA
MARITIM UTAMA C**
LAKSAMANA MUDA MARITIM
DATO' MOHD KHALID BIN
LENGGANG



CAWANGAN KEJURUTERAAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM OSMAN BIN MOHAMAD



CAWANGAN PENGURUSAN PROJEK
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KEPTEN MARITIM Ir. ABG JAMARI



CAWANGAN BEKALAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ZULKARNAIN BIN MOHD OMAR



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH (PENGURUSAN)**
**PEGAWAI TADBIR &
DIPLOMATIK UTAMA B (KUP)**
Y.M. DATO' RAJA HYDAR BIN
RAJA ISKANDAR



**CAWANGAN PENTADBIRAN DAN
KEURUSETAAN**
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54
PUAN MAIMON BINTI K.A. RAMULLAN



CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F54
ENCIK MUSTAFA BIN ABDULLAH



**CAWANGAN PENDIDIKAN &
LATIHAN**
**PEGAWAI PENGUATKUASA
MARITIM X26**
KEPTEN MARITIM MOHD
ALYAS BIN HAMDAN



**CAWANGAN UNDANG-
UNDANG**
**PEGAWAI UNDANG-UNDANG
L64**
ENCIK AZMAN BIN AHMAD



CAWANGAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' MOHD RASHID BIN HARUN



CAWANGAN OPERASI UDARA
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ZAMMANI MOD AMIN



CAWANGAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
TAN KOK KWEI



CAWANGAN SIASATAN JENAYAH MARITIM
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM
KARUNANITHI AL MUNUSAMY



CAWANGAN C31
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
KEPTEN MARITIM YUSOF BIN ALI



SISTEM PENGAWASAN MARITIM
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
WAN MOHD AFFANDI BIN WAN AHMAD



STESEN UDARA
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
MOHAMAD IZHAR BIN HASSAN



CAWANGAN BANTUAN PERTAHANAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X22
KDR MARITIM ZIN AZMAN BIN MD. YUNUS



CAWANGAN ANGKUT
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KDR MARITIM HARIANI BINTI MAHMUD



CAWANGAN BANGUNAN & ASET
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
KEPTEN MARITIM
ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN



WILAYAH MARITIM UTARA
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
ZULKIFLI BIN ABU BAKAR



WILAYAH MARITIM TIMUR
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' ISMAIL BIN HAMZAH



WILAYAH MARITIM SABAH & LABUAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MOHD TAHA BIN IBRAHIM



CAWANGAN PEROLEHAN
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M48
ENCIK MOHD ZAID BIN IDRIS



CAWANGAN SUMBER MANUSIA
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54
TUAN HAJI MD. MISRON BIN YUSOF



CAWANGAN KEWANGAN & BELANJAWAN
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54
TUAN HAJI WAN YUSOF BIN
WAN ABD RAHMAN



WILAYAH MARITIM SELATAN
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
DATO' CHE HASSAN BIN JUSOH



WILAYAH MARITIM SARAWAK
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X26
LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
MUHAMAD ABDUL BASAR BIN TAJI



CAWANGAN NAZIRAN & AUDIT DALAMAN
PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK M54
TUAN HAJI KHALID BIN
A. HAMID



CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X24
LAKSAMANA PERTAMA
MARITIM NASIR BIN ADAM



PASUKAN TINDAKAN KHAS
PEGAWAI PENGUATKUASA MARITIM X22
KEPTEN MARITIM
ABIM AK SUNGOM

LATAR BELAKANG

Sebelum penubuhan Maritim Malaysia, terdapat 11 buah agensi Penguatkuasaan Maritim utama negara yang melibatkan hampir 5300 anggota dan 486 kapal/bot serta peruntukan melebihi RM3 bilion setahun.

Dengan jumlah keanggotaan, aset dan peruntukkan yang hampir sama dengan sesetengah negara maju, tahap pengawasan dan penguatkuasaan maritim masih jauh dari memuaskan, kurang berkesan dan tidak kos efektif.

Bagi mengatasi pertindihan fungsi, bidang kuasa, kawasan operasi dan pembaziran kegunaan sumber, maka Maritim Malaysia ditubuhkan. Disamping itu, tugas koordinasi penguatkuasaan di laut dapat ditingkatkan.

KRONOLOGI PENUBUHAN

Tarikh	Perkara
21 April 1999	Kajian bagi mewujudkan sebuah Agensi <i>Coast Guard</i> di Malaysia.
21 Ogos 2002	Kabinet telah meluluskan penubuhan APMM.
16 April 2003	Tim Nukleus ditubuhkan dan ditugaskan untuk menjalankan segala usaha yang perlu bagi mewujudkan APMM.
15 Februari 2005	Akta APMM (Akta 633) dikuatkuasakan.
10 Oktober 2005	Y.A.B. Dato Sri'Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan majlis memperkenalkan APMM.
30 Oktober 2005	APMM memulakan operasi di Zon Maritim Malaysia.
21 Mac 2006	APMM telah dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

PERANAN

Maritim Malaysia tertakluk kepada Akta 633 yang dikuatkuasakan di Zon Maritim Malaysia bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan, mencegah jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.

Zon Maritim Malaysia merangkumi perairan pendalaman (*internal waters*), laut wilayah, pelantar benua, Zon Ekonomi Eksklusif dan perairan perikanan Malaysia termasuk ruang udara di atas zon itu.

Maritim Malaysia telah mengambil alih tugas penyelaras tugas Mencari dan Menyelamat Maritim dari Jabatan Laut Malaysia berkuatkuasa mulai 6 Jun 2006 bagi mengendalikan operasi Mencari dan Menyelamat di kawasan tanggungjawab maritim *Search and Rescue Region* (SRR) Malaysia.

VISI, MISI & MATLAMAT STRATEGIK

- **Visi** - “Menjadi antara agensi penguatkuasaan maritim yang terbaik di dunia”
- **Misi** - “Menguatkuasakan undang-undang serta menyelamatkan nyawa dan harta benda di laut bagi memastikan kesejahteraan perairan negara”
- **Matlamat Strategik:**
 - Menentukan Zon Maritim Malaysia aman dan terkawal;
 - Menguatkuasakan undang-undang maritim dengan berkesan;
 - Mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda di laut;
 - Meneraju dalam hal ehwal penguatkuasaan maritim dan
 - Menjadi penanda aras (*bench mark*) kepada agensi penguatkuasaan maritim luar negara.

OBJEKTIF STRATEGIK

- Membentuk sebuah angkatan yang seimbang dan serba boleh bagi mendokong misi APMM;
- Memenuhi semua keperluan tugas penguatkuasaan APMM bagi memastikan pematuhan semua Undang-Undang Persekutuan dan Undang-Undang Antarabangsa di Zon Maritim Malaysia;
- Memenuhi keperluan sebagai peneraju koordinasi Mencari dan Menyelamat Maritim Kebangsaan dan Penyelaras Bantuan Bencana (*National Maritime Search and Rescue and Disaster Relief Coordination*);
- Memenuhi semua keperluan logistik sejajar teknologi semasa;
- Memantapkan sistem pengurusan dalam mengoptimumkan sumber-sumber;
- Membangun, mengurus dan mengekal tenaga kerja yang terampil;

- Meningkatkan dan memperluaskan persefahaman, kerjasama dan rakan kongsi dengan *stakeholders* dan pelanggan;
- Mewujud dan membangun Pasukan Simpanan Sukarelawan APMM (PSS APMM) dan Pasukan Bantuan APMM (PB APMM MMEA / *Auxiliary Unit*) dalam membantu tugas-tugas tertentu APMM;
- Menjadi peneraju dan rujukan dalam aspek keselamatan bagi aktiviti rekreasi maritim kebangsaan dan;
- Menjadi sebuah agensi peneraju penguatkuasaan maritim yang dicontohi.

NILAI MURNI

NILAI INDIVIDU

BENAR

Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

AMANAH

Rela dan berusaha menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dalam batas kuasa yang ditentukan. Gigih dan ikhlas untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi. Mempunyai sifat kerahsiaan untuk menjamin kejayaan misi/operasi penguatkuasaan. Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.

TELUS

Menyampaikan sesuatu melalui perbuatan (termasuk penulisan dan percakapan) kepada yang sepatutnya dengan jelas dan terbuka tanpa berselindung.

BIJAKSANA

Bertindak dengan penuh hemah dan rasional dengan menggunakan segala sumber yang ada ke arah pencapaian matlamat dan hasil yang berkualiti.

ADIL

Membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani tanpa pilih kasih dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

BERANI

Tidak takut dan tabah menghadapi bahaya atau cabaran semasa menjalankan tugas. Tidak teragak-agak untuk bertindak untuk menegakkan undang-undang dan sedia berkorban demi Agensi, bangsa dan negara. Bersedia menghadapi krisis dengan tenang dan tidak berbelah bahagi. Digeruni dengan sikap berani dan ketegasan, serta disegani kerana sikap adil dan saksama.

NILAI ORGANISASI

KERJA BERPASUKAN

- Mengutamakan kerja berpasukan sebagai budaya kerja.
- Mengiktiraf setiap warga APMM sebagai anggota yang sama penting dalam organisasi.
- Sentiasa bersatu padu dan menghormati, menyokong dan mematuhi keputusan pasukan.
- Sentiasa bekerjasama antara ahli pasukan, antara jabatan, dengan pelanggan, pembekal dan rakan-rakan dari agensi lain yang berkaitan.
- Menggalakkan kreativiti, inisiatif, maklum balas, cadangan dan kritikan membina.
- Percaya dan saling menghormati setiap anggota pasukan.
- Mengamalkan kepimpinan yang berkesan. Menetapkan standard yang tinggi serta menuntut pencapaian standard ini bukan sahaja bagi diri sendiri malah dari orang lain yang berkaitan langsung dengan pelaksanaan fungsi APMM.
- Bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri.

BERETIKA

- Mempamerkan kesetiaan kepada APMM, bangsa dan negara.
- Komited kepada tugas dan perkhidmatan APMM.
- Menerap, mengekal dan memperkasakan nilai-nilai kerohanian yang jitu.
- Mempunyai keperibadian yang berintegriti serta dicontohi.
- Bertanggungjawab ke atas tindakan sendiri dan menggalakkan yang sama dari rakan setugas.
- Mengaku kesilapan yang dibuat dan mengambil iktibar darinya.
- Telus dan ikhlas.
- Gerak laku yang beretika.
- Tutur kata yang sopan.

PENYAYANG

- Memupuk dan mengekal sikap kasih sayang sebagai sebuah keluarga.
- Mewujud dan mengekalkan persekitaran kerja yang harmoni dan disenangi.
- Menyedia dan mempertingkatkan kualiti hidup warga melalui dorongan, bimbingan dan sokongan individu dan keluarga.
- Prihatin terhadap masyarakat.
- Memupuk semangat kemasyarakatan dan kebajikan keluarga.
- Mementingkan pemeliharaan alam sekitar.

KEUNGGULAN

- Menggalak, merangsang dan mengekalkan tenaga kerja terampil.
- Menumpukan kepada mutu penghasilan dan pencapaian kerja yang tinggi.
- Beriltizam untuk penambahbaikan berterusan dan mampu menyesuaikan diri kepada perubahan persekitaran.
- Mempamerkan kebanggaan sebagai seorang warga APMM menerusi paparan kecekapan dan disiplin diri yang tinggi.
- Menjadikan APMM sebagai organisasi penguatkuasaan pilihan.
- Buat kerja dengan betul pada kali pertama setiap kali.
- Mengamalkan fleksibiliti kerja dan persekitaran.

KEPATUHAN

- Mematuhi peraturan, prosedur dan proses kerja.
- Sentiasa menepati masa.
- Fokus kepada kecerdasan bertindak bagi mencapai kewibawaan.
- Mewujudkan komunikasi terbuka, ringkas dan lancar.

FUNGSI AGENSI

- Menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia;
- Melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas;
- Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia;
- Memberikan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan negara asing sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bantuan bersama dalam perkara Jenayah 2002 (Akta 621);
- Menjalankan pengawasan udara dan pantai;
- Menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi;
- Melaksanakan apa-apa kewajipan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan maritim atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengannya;
- Di lautan lepas;
 - Melaksanakan tugas Mencari dan Menyelamat Maritim;
 - Mengawal dan mencegah pencemaran maritim di lautan lepas;
 - Mencegah dan menyekat pelanunan serta mencegah dan menyekat pengedaran haram dadah narkotik;
- Semasa darurat krisis khas atau perang, agensi ini atau mana-mana bahagian agensi diletakkan di bawah kawalan perintah am Angkatan Tentera Malaysia.

PIAGAM PELANGGAN

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) adalah sebuah agensi keselamatan yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia. Agensi juga bertanggungjawab mengkoordinasi tugas Mencari dan Menyelamat Maritim.

Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, kami berjanji akan memberi perkhidmatan dan perlaksanaan berikut:

- Sekurang-kurangnya 4 vesel beroperasi di laut pada setiap hari di setiap Wilayah Maritim;
- Menggerakkan aset tersedia dalam tempoh 30 minit aduan atau permohonan bantuan;
- Berada di lokasi dalam masa 2 jam selepas menerima panggilan kecemasan maritim;
- Memberi laporan status penyiasatan kesalahan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan permintaan dan
- Memberi maklum balas aduan awam dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.

KOD TATA LAKU

- **Kejujuran dan Integriti** (*Honesty and Integrity*). Adalah amat penting bagi orang ramai mempercayai kejujuran dan integriti Pegawai Penguat Kuasa Maritim. Oleh itu, semua Pegawai Penguat Kuasa Maritim perlu menjalankan tugas dengan terbuka, jujur, berintegriti dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa samada orang perseorangan mahupun institusi.
- **Kesaksamaan dan Toleransi** (*Fairness and Tolerance*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim mempunyai tanggungjawab untuk bersikap adil dan saksama semasa berurusan dengan orang ramai dan rakan sekerja disamping sentiasa menunjukkan rasa hormat dan budi bahasa yang baik. Elakkan menyebelahi mana-mana pihak atau membeza-bezakan mereka.
- **Penggunaan Kekerasan dan Penyalahgunaan Kuasa** (*Use of Force and Abuse of Authority*). Pegawai Penguat kuasa Maritim tidak sekali-kali secara sedar dibenarkan menggunakan kekerasan yang berlebihan dan tidak boleh menyalahgunakan kuasa.
- **Prestasi Tugas** (*Performance of Duties*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim hendaklah melaksanakan tugas dengan ikhlas, rajin dan bersungguh-sungguh. Melaksanakan tugas yang diberikan secepat mungkin dan tidak bertangguh. Jika tidak hadir tugas kerana sakit atau kecederaan jangan melakukan aktiviti yang memburukkan lagi keadaan sehingga berpanjangan. Di samping itu mereka juga perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan tahap profesionalisma masing-masing.
- **Arahan Yang Sah Di Sisi Undang-Undang** (*Lawful Orders*). Kecuali mempunyai sebab yang kukuh, Pegawai Penguatkuasa Maritim mesti mengikut semua arahan yang sah dan mematuhi semua perintah dan peraturan Jabatan. Mereka perlu menyokong rakan dalam melaksanakan tugas yang sah di sisi undang-undang dan melaporkan jika berlaku salah laku.
- **Penyimpanan Maklumat** (*Confidentiality*). Semua maklumat yang diperolehi oleh Pegawai Penguat Kuasa Maritim adalah sulit dan rahsia. Tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan membocorkan maklumat tersebut kepada pihak lain kecuali untuk digunakan dalam pelaksanaan undang-undang yang sah. Pegawai Penguat Kuasa Maritim juga harus peka bahawa maklumat mengenai polisi dan operasi agensi adalah sulit dan rahsia dan tidak boleh dibocorkan kecuali dibenarkan semasa melaksanakan tugas. Komen yang berbentuk peribadi yang menjejaskan kepercayaan orang ramai juga perlu dielakkan.
- **Kesegakkan** (*Appearance*). Pegawai Penguat Kuasa Maritim hendaklah kelihatan segar, kemas dan bersih berpakaian seragam atau awam semasa bertugas atau di luar tugas.
- **Tingkah Laku Umum** (*General Conduct*). Semasa bertugas atau di luar tugas, Pegawai Penguat Kuasa Maritim tidak boleh berkelakuan yang boleh mencemarkan nama baik Maritim Malaysia.

MOTO

Moto APMM mengambil tiga fungsi utamanya, iaitu **Mengawal, Melindung dan Menyelamat**.

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

APMM merupakan agensi penguatkuasa undang-undang di Zon Maritim Malaysia dan peneraju operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Maritim. Menerusi misi perkhidmatan pelanggan **Pantas, Tegas, Adil**, semua warga APMM akan memberi khidmat dengan mengutamakan kepentingan pelanggan dalam konteks menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka.

IKRAR

Bahawasanya kami, warga Maritim Malaysia dengan ini berikrar akan:

- Melaksanakan tugas dengan penuh disiplin, jujur, beretika, berintegriti, saksama dan tanpa prejudis.
- Menghormati dan melindungi maruah dan hak asasi individu semasa menjalankan tugas.
- Menghormati dan menegakkan kedaulatan undang-undang serta dengan tegas memastikan kepatuhan.
- Tidak akan menggunakan kekerasan yang berlebihan kecuali sekadar yang benar-benar perlu bagi menguatkuasakan undang-undang.
- Memastikan rahsia negara dan Maritim Malaysia sentiasa dipelihara.
- Tidak terjebak dalam kegiatan rasuah dan sentiasa membendung sebarang kegiatan rasuah di dalam Maritim Malaysia.
- Sentiasa memelihara imej dan nama baik Maritim Malaysia dan negara.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

- APMM telah diperuntukkan Akta yang dipanggil Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633).
- Dalam seksyen 5 subseksyen 5(2) Akta APMM 2004, Yang Dipertuan Agong boleh, dalam perintah yang dibuat di bawah sub-sub subseksyen (1), menentukan bahawa pangkat pegawai yang dilantik itu hendaklah dikira sebagai setara dengan pangkat:
 - Pegawai Polis sebagaimana yang dinyatakan dalam atau di bawah Akta Polis 1967 (Akta 344).
 - Pegawai Kastam sebagaimana yang dinyatakan dalam atau di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235).
 - Mana-mana pegawai lain yang pangkatnya dinyatakan dalam atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan Kanun
 - Tatacara Jenayah (Akta 593) dan undang-undang yang dinyatakan dalam subseksyen 7(3) – Kuasa Agensi hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.
- *Areas of Jurisdiction*/Bidang kuasa APMM bermula dari *internal waters* hingga ke batas luar ZEE dan Pelantar Benua dengan meliputi juga ruang di atas Zon Maritim Malaysia serta perairan Had Pelabuhan.
- APMM diperuntukkan kuasa penyasatan bagi menyegerakan semua siasatan dan pendakwaan.
- APMM diperuntukkan kuasa penguatkuasaan bagi semua kesalahan yang dilakukan di semua Zon Maritim Malaysia.
- APMM diperuntukkan kuasa penguatkuasaan bagi semua kesalahan yang dilakukan di Zon Maritim.



BAHAGIAN PEJABAT KP



PUSAT LATIHAN APMM

Pada 24 Julai 07, Pusat Latihan APMM telah berpindah dari Lumut ke Pusat Latihan sementara yang terletak di kawasan Wisma Belia, Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pusat Latihan ini mempunyai 3 blok bangunan 4 tingkat menempatkan pejabat tadbir latihan, bilik kuliah dan kemudahan-kemudahan seperti gimnasium, dewan makan, padang dan kediaman pelatih-pelatih serta berupaya melatih 350 pelatih dalam satu masa.

Pembinaan Pusat Latihan baru di Gebeng, Kuantan yang bermula pada awal 2009 merupakan titik tolak berupa pengiktirafan kerajaan terhadap kewujudan Agensi ini untuk membangunkan keupayaan sumber manusianya di premisnya sendiri. Pusat Latihan ini dijangka siap pada awal tahun 2011 dan berkapasiti untuk melatih 900 pelatih dalam satu masa.

Sepanjang penubuhan dan kewujudannya, Pusat Latihan ini telah berjaya melatih dan menamatkan latihan seramai 147 orang pegawai baru dalam 2 siri pengambilan termasuk 14

wanita, dan 1087 orang Pelatih pegawai Lain-Lain Pangkat (LLP) termasuk 95 wanita melalui 6 siri pengambilan.

Pengambilan pegawai pelatih yang berpangkat Leftenan Muda dan Leftenan telah mula diambil pada Oktober 2007. Kedua-dua siri pengambilan pegawai telah dilatih di Pusat Latihan sementara Wisma Belia Kuantan.

Bagi pelatih pegawai LLP (Laskar Kelas II Maritim) telah diambil mulai Jun 2006. Hanya pengambilan pertama dan kedua sahaja telah dilatih di Pusat Latihan D-24 Pangkalan TLDM Lumut. Bagi pengambilan siri seterusnya APMM telah melatih mereka di Pusat Latihan di Wisma Belia Kuantan. Sehingga kini, APMM mendapat bantuan TLDM dengan menghantar ke semua pelatih LLP baru menjalani latihan asas di pusat latihan Rekrut TLDM, Tg. Pengelih, Johor atau lebih dikenali sebagai KD SULTAN ISMAIL selama 17 minggu. Setelah tamat, pelatih-pelatih ini meneruskan latihan di Pusat Latihan APMM selama 4 bulan sebelum meneruskan latihan sambil kerja di unit-unit APMM dan bot.





PENCAPAIAN 2009

Kursus

Sepanjang tahun 2009, beberapa kursus asas dan lanjutan telah dijalankan. Jumlah pelatih asas yang telah dilatih adalah seramai 612 orang. Sementara itu, jumlah pelatih kursus lanjutan yang telah menjalani latihan adalah seramai 175. Ini menjadikan jumlah pelatih yang sedang dan telah selesai menjalani latihan di Pusat Latihan ini adalah seramai 787 orang.

Kursus Yang Dihadiri Oleh Jurulatih

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 31 jenis kursus telah dihadiri oleh pegawai dan jurulatih. Kursus-kursus ini telah diadakan di Pusat Latihan dan di luar. Ia adalah sebahagian daripada program pengembangan kerjaya (*job enrichment*) kepada para jurulatih di Pusat Latihan ini.



Perbelanjaan

Perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran latihan tahun 2009 adalah lebih kurang RM 7.4 juta. Perbelanjaan ini meliputi bayaran penginapan dan sajian melalui kontrak, PTJ Pusat Latihan APMM (PLAPMM) dan juga bayaran melalui ibu pejabat.

Sepanjang 2009, segala aktiviti dan pengurusan yang disasarkan melalui Sasaran Kerja Tahunan telah mencapai tahap 100% dengan pengembelian usaha dan tenaga oleh semua peringkat warga pusat latihan. Walau bagaimanapun, usaha perlu diteruskan dan sokongan peringkat tertinggi amat diperlukan agar pusat latihan ini berupaya, bukan sahaja melahirkan pelatih-pelatih untuk menambah bilangan pegawai dan anggota APMM, tetapi melahirkan warga baru yang berketerampilan, berdisiplin serta sedia mendokong Visi dan Misi APMM.



PASUKAN TINDAKAN KHAS DAN PENYELAMAT

Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat (PTK) atau *Special Task And Rescue Team (STAR)*, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di tubuhkan untuk membantu agensi di dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di Zon Maritim Malaysia khususnya untuk melaksanakan operasi khas menyelamat dan operasi khas menggempur atau menggeledah secara paksa (*forced boarding*).

Pewujudan pasukan ini akan meningkatkan keupayaan APMM dalam menyelesaikan tugas menyelamat (SAR) yang sukar, penggempuran/penggeledahan (*forced boarding*) yang merbahaya, tugas anti-pelanun (di Zon Maritim negara dan di laut lepas) serta melawan keganasan semasa perang (apabila Seksyen 17 Akta APMM 2004 terpakai).

PENCAPAIAN 2009


Pencapaian Pengisian Perjawatan. Pengisian perjawatan Pasukan STAR sehingga penghujung tahun 2009 adalah seperti berikut:

Pegawai

Lantikan Tetap	-	4 orang.
Lantikan Kontrak	-	1 orang.

Pegawai LLP

Lantikan Tetap	-	25 orang.
Lantikan Kontrak	-	6 orang.
Anggota Pinjaman	-	11 orang.
Anggota Bantuan	-	2 orang.



Latihan. Sepanjang tahun 2009, pasukan telah berjaya melaksanakan pelbagai jenis latihan berpandukan jadual latihan mingguan dan bulanan seperti yang telah direncanakan pada awal tahun bagi meningkatkan tahap kemahiran anggota. Antaranya latihan fizikal, latihan berenang, latihan kemahiran, latihan *refresher* penggunaan peralatan operasi dan latihan medan.

Penerimaan Peralatan. Sehingga akhir tahun 2009, penerimaan peralatan pasukan yang sepatutnya dibekalkan di bawah RMK 9 (*Development Expenditures*) diterima pada tahap 95%. Kebanyakan peralatan untuk tujuan latihan operasi, latihan medan dan kursus telah berjaya dibekalkan dan telah pun digunakan. Pembekalan *flexible pole*, kenderaan, bot getah F 470 dan RHIB masih belum diterima. Keperluan kenderaan darat dan perairan amat penting bagi melicinkan perancangan latihan tahunan.

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2009. Pasukan STAR telah menetapkan sebanyak 12 SKT untuk dilaksanakan pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, pasukan telah berjaya mencapai tahap 100% terhadap sebanyak 12 SKT. Pada keseluruhannya, pencapaian SKT 2009 bagi Pasukan STAR adalah 90%. Di antara SKT yang tidak dapat dicapai sepenuhnya adalah menembak senjata kecil yang sepatutnya dilaksanakan sekali setiap bulan tetapi tidak dapat dilakukan oleh kerana kekangan pegangan peluru.

Pasukan pada tahun 2009 telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Walaupun dengan jumlah 47 pegawai dan anggota, pasukan masih dapat melaksanakan SKT 2009 yang dirancang kepada tahap yang memuaskan. Sentiasa terlibat di dalam aktiviti agensi di peringkat ibu pejabat di samping turut dapat membantu Wilayah-Wilayah Maritim apabila diperlukan. Dengan adanya anggota baru yang telah lulus Kursus Asas Komando pada 2 Julai 09 dan kehadiran anggota PASKAL TLDM sebagai pinjaman adalah diharapkan prestasi pencapaian pada tahun mendatang akan meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

CAWANGAN SIASATAN DAN UNDANG-UNDANG

Salah satu Cawangan yang terdapat di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah Cawangan Siasatan dan Undang-Undang. Sebelum ini, dikenali sebagai Cawangan Siasatan dan Undang-Undang (CSUU) tetapi bermula 1 April 2009, Cawangan ini telah diberikan penjenamaan semula dan dinamakan sebagai Cawangan Undang-Undang. Fungsi siasatan yang sebelum ini dijalankan oleh CUU telah dikeluarkan dan diletakkan di bawah Cawangan Siasatan Jenayah Maritim. Peneraju utama CUU adalah Penasihat Undang-Undang dan dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya yang lain.



Visi - Menjadi sebuah Cawangan yang terunggul di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang dapat memelihara dan melindungi kepentingan dan kedaulatan negara, dan kepentingan Agensi di sisi perlembagaan, Undang-Undang negara dan peraturan antarabangsa.

Misi - Memelihara kepentingan dan kedaulatan negara dan kepentingan Agensi dengan memberikan khidmat nasihat dan perundangan yang terbaik agar Agensi dapat terus menjayakan misi, visi, dan objektifnya secara efektif tanpa membelakangkan undang-undang negara dan kepentingan awam.

Fungsi -

- Menjalankan tugas Pendakwa.
- Memberikan pandangan serta nasihat perundangan dalam undang-undang Dosmestik dan Antarabangsa.
- Menyemak dan meneliti MOU, Perjanjian juga Triti-Triti yang berkaitan.
- Menggubal Undang-Undang.

Statistik Pendakwa Kes Yang Diselesaikan Sehingga 30/11/ 2009



CAWANGAN DASAR MARITIM DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA (DMPA)

FUNGSI

- Bertindak sebagai staf penasihat kepada Ketua Pengarah dalam perkara-perkara Dasar, Hubungan Antarabangsa, Hidrografi dan Osionografi serta Doktrin dan Publikasi.

PENCAPAIAN 2009

Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2009

Cawangan DMPA telah menetapkan sebanyak 2 SKT untuk dilaksanakan pada tahun 2009



- Menyediakan dasar kerjasama penguatkuasaan maritim dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim dari dalam dan luar negara.
- Menilai dan mengkaji keberkesanan dasar penguatkuasaan sedia ada, program hubungan luar dan menyediakan cadangan penambahbaikan serta merangka hala tuju Penguatkuasaan Maritim dan hubungan luar APMM di masa hadapan.
- Mewujudkan kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan maritim di peringkat serantau dan antarabangsa.
- Bertanggungjawab membangunkan bidang Hidrografi dan Osionografi dalam APMM serta menguruskan Hal Ehwal Persempadanan dan Penyelidikan Oseanografi di Zon Maritim Malaysia.
- Menyelaras, menyimpan dan mengemaskinikan semua Publikasi APMM serta bertindak selaku pusat rujukan ke atas semua publikasi APMM.

dan telah berjaya melaksanakan kedua-dua SKT tersebut. Justeru, pada keseluruhannya, pencapaian SKT 2009 bagi Cawangan DMPA telah dapat melaksanakan 100% inisiatif strategik yang ditetapkan.

Seminar dan Mesyuarat Peringkat Antarabangsa

Seperti yang telah dinyatakan, antara fungsi penting Cawangan ini ialah menyelaraskan program-program antarabangsa yang dapat memberikan impak besar dalam menaikkan imej APMM di pentas antarabangsa. Dalam memenuhi fungsi tersebut Cawangan ini telah berjaya mengusahakan beberapa program utama seperti mesyuarat dan juga seminar. Di antara aktiviti antarabangsa yang telah diadakan oleh Cawangan ini sepanjang tahun 2009 ialah seperti berikut:

- Seminar “*Legal Aspects of Border Security in a Maritime Environment*” yang diadakan pada tahun 2009, melibatkan 4 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina dan USA.

Seramai 45 orang wakil dari Indonesia, Malaysia, Filipina, dan Amerika Syarikat hadir ke seminar ini. Seminar ini antara lain memfokuskan kepada isu perundangan yang berkaitan dengan persekitaran maritim. Peserta-peserta seminar telah berkongsi maklumat, pengalaman dan pengetahuan masing-masing dalam menyelaraskan dan menangani isu-isu kawalan sempadan, jenayah rentas sempadan serta ancaman keganasan. Secara amnya, seminar ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan menepati objektif yang ditetapkan.

- Mesyuarat kerjasama pelbagai hala untuk kerjasama penguatkuasaan Selat Melaka di antara Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand pada 10 – 12 Nov 09. Secara keseluruhannya seramai 15 orang wakil dari Indonesia, Malaysia, Thailand dan Singapura hadir ke sesi mesyuarat ini. Mesyuarat ini memperlihatkan dengan lebih jelas usaha semua negara yang terlibat dalam membendung pelbagai kejadian jenayah maritim di perairan Selat Melaka.
- Mesyuarat kerjasama pelbagai hala untuk kerjasama penguatkuasaan laut Sulu & Sulawesi di antara Malaysia, Filipina dan Indonesia telah diadakan pada 17 – 19 Nov 09. Seramai 13 orang wakil dari Indonesia, Malaysia dan Filipina hadir ke sesi mesyuarat ini. Mesyuarat ini telah menyentuh pelbagai inisiatif semasa berkaitan keselamatan maritim yang boleh dilaksanakan oleh negara pesisir. Peserta mesyuarat dari ketiga-tiga buah negara turut berpeluang berkongsi pengetahuan serta pengalaman mereka dan menyumbang idea-idea bernas bagi memperkasa keselamatan maritim di kawasan tumpuan.

Penyediaan Kertas Kabinet/Kertas Dasar

Sejumlah 3 buah MOU sudah dirangka dan sedang menunggu maklumbalas agensi luar negara berkaitan sebelum dibentangkan untuk kelulusan kabinet. MOU yang dimaksudkan itu ialah MOU di antara APMM dengan USCG, PCG dengan Australia BPC. Dalam pada itu antara kertas kerja kabinet dan kertas dasar yang telah diselaraskan oleh Cawangan ini bagi tahun 2009 dan diluluskan ialah seperti berikut:

- Dasar Bilateral dan Multilateral APMM.
- Pelan Ke arah Menjadi Agensi Tunggal pada tahun 2011.
- Pelaksanaan Seminar Antarabangsa Bagi Tahun 2009.
- Dasar 3K APMM.

Peningkatan Hubungan Kerjasama APMM

Di sepanjang tahun 2009, Cawangan ini telah berjaya mencipta jaringan kerjasama yang lebih erat melalui perancangan dan pelaksanaan program lawatan Pegawai Kanan APMM termasuk Ketua Pengarah ke luar negara. Penyertaan di dalam program mesyuarat seperti HACGAM memberikan impak yang ketara dalam mempromosikan APMM di mata masyarakat serantau dan antarabangsa.

Cawangan ini juga telah menyediakan kertas-kertas kerja untuk pembentangan di dalam pelbagai program antarabangsa. Dalam masa yang sama, Cawangan ini juga berjaya mendapatkan tempat untuk pegawai-pegawai APMM menyertai program peningkatan kapasiti seperti seminar, persidangan, kursus dan bengkel latihan sama ada di peringkat dalam negara ataupun luar negara. Antara kursus yang berjaya diusahakan ialah kursus-kursus anjuran pihak *United States Coast Guard, Japan Coast Guard, MIMA dan Nymphaea Environment*. Selain itu, beberapa siri lawatan dan kunjungan hormat pelbagai delegasi luar negara ke ibu pejabat APMM Putrajaya ialah:

- Japan Coast Guard (JICA).
- US Coast Guard.
- US Embassy Office of Defence Cooperation.
- NAVFCO.
- Royal Navy.
- Singapore Police Coast Guard.
- Philippine Coast Guard.
- BAKORKAMLA Indonesia.
- Royal Thai Marine Police
- Delegasi Angkatan Tentera Thailand.
- Delegasi US Pacific Command.
- Delegasi Yaman.
- Maritime Security Task Force.
- Korean Coast Guard
- Australian Border Protection Command.

UNIT LATIHAN OPERASI

LATAR BELAKANG

Unit Latihan Operasi (ULO) telah ditubuhkan pada September 2006 di bawah Arahan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk mengambil alih tugas melaksanakan latihan Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) terhadap kapal/bot APMM serta pemeriksaan mengejut di Daerah dan Pangkalan Maritim daripada Syarikat *Drastech Corporation Sdn Bhd*. Di samping itu juga, Unit ini dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan *Mobile Team Training (MTT)* APMM untuk mengendalikan Kursus Menggeledah APMM kepada kru bot dan kapal di setiap wilayah APMM.

OBJEKTIF

Objektif Utama Unit Latihan Operasi adalah seperti berikut:

1. Menentukan status semua kapal dan bot memenuhi kriteria untuk melaksanakan latihan ini.
2. Melatih warga kapal dan bot untuk bekerja sebagai satu pasukan yang mantap dan mengguna keupayaan kapal ke tahap maksima.
3. Menentukan latihan individu yang telah diajar dipraktikkan.
4. Menentukan semua urus tadbir dokumen dan rekod disempurnakan.
5. Menentukan piawaian operasi dicapai oleh semua kapal dan bot mengikut ketetapan dalam *Malaysian Maritime Operation Standard (MMOS)*.
6. Mengesahkan (*certify*) semua peralatan dan jentera kapal dan bot selamat untuk latihan dan dioperasikan.
7. Menentukan setiap dasar akta/undang-undang dan peraturan sedia ada dipatuhi.
8. Memberi maklumbalas mengenai kompetensi setiap anggota yang gagal mencapai tahap yang dikehendaki kepada Pusat Latihan APMM.

AKTIVITI

Aktiviti yang telah dilaksanakan ialah:

1. Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK)
2. Pemeriksaan Mengejut
3. *Mobile Team Training (MTT)*
4. Audit Kecekapan Dan Kesiapsiagaan *Watchstander (ACC/MCC)*
5. Kursus *Competency Enhancement*
6. Mengkoordinasikan Latihan Menggeledah Bersama USCG
7. Tim Penilai Eksesais
8. Tips Penguatkuasaan

PENENTUAN TAHAP KECEKAPAN KAPAL (PTKK)

Latihan Penentuan Tahap Kecekapan Kapal (PTKK) telah dilaksanakan di semua wilayah APMM. Kapal yang terlibat PTKK adalah seperti berikut:

WILTIM	KM RENTAP	2 - 6 MAC
	KM AMANAH	12 -16 APR
	KM LANGKAWI	18 - 20 NOV
WILSAB	KM BANGGI KM KURAMAN	5 - 12 MEI
	KM LABAS	23 - 26 JUN
	KM BISTARI KM PEMANGGIL	7 - 12 OKT
WILSAR	KM BIJAK	20 - 24 JUL

Terdapat 4 fasa ketika melaksanakan PTKK iaitu:

1. Pemeriksaan Kelengkapan dan Dokumen
2. Pemeriksaan Fasa Pelabuhan
3. Pemeriksaan Fasa Laut
4. Penilaian Kesiagaan Operasi

Kapal yang terlibat di dalam PTKK juga diberi bimbingan melaksanakan sesi penggeledahan yang betul mengikut Perintah Tetap Ketua Pengarah dan *Standard Operating Procedure* (SOP) menerusi sesi ceramah dan praktikal.

PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan di setiap wilayah APMM, bertujuan menentukan setiap aset yang dimiliki oleh APMM sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua kemungkinan. Selain itu juga, pemeriksaan juga bertujuan untuk memastikan SOP dan piagam pelanggan dipatuhi.

WILUTA	Bilik gerakan / Bot sedia tugas	5 FEB
WILSEL	Pangkalan Batu Pahat / Bot sedia tugas	11 & 12 FEB
	Pangkalan Mersing / Bot sedia tugas	4 JUN
WILTIM	Bilik gerakan / Bot sedia tugas	20 - 24 JUL
WILSAB	Bilik gerakan / Bot sedia tugas	11 MEI
WILSEL	Bilik gerakan / Bot sedia tugas	22 JUL

MOBILE TEAM TRAINING (MTT)

Pihak pengurusan APMM telah memberi mandat kepada unit ini untuk menganjurkan kursus menggeledah APMM atau dikenali sebagai MTT. Sasaran setiap wilayah untuk menganjurkan satu kursus setiap tahun telah berjaya dilaksanakan. Sasaran utama peserta kursus adalah warga kapal dan bot yang seting melaksanakan penggeledahan. Seramai 12 orang telah dilantik sebagai jurulatih MTT dan bertanggungjawab untuk mengajar melalui sesi teori dan praktikal.

WILUTA	9 - 13 NOV
WILTIM	15 - 19 NOV
WILSEL	7 - 11 DIS
WILSAR / WILSAB	14 - 18 DIS

AUDIT KECEKAPAN DAN KESIAPSIAGAAN WATCHSTANDER (ACC/MCC)

Audit ini telah dilakukan di *Area Control Centre* (ACC) Tanjung Piai pada 4 Februari 2009. Pemeriksaan merangkumi pelaksanaan pengoperasian, pentadbiran, keselamatan dan dari segi teknikal. Beberapa pemerhatian dan teguran telah dilakukan dan dimajukan untuk tindakan pihak yang terbabit.

KURSUS COMPETENCY ENHANCEMENT

Kursus ini telah dilaksanakan buat julung kalinya iaitu pada 1 hingga 3 Disember 2009 bagi semua Wilayah APMM. Kursus ini telah dikendalikan oleh Syarikat ANQ Sdn. Bhd. Ianya memberi pendedahan kepada peserta kursus mengenai pengoperasian kapal dagang, pemeriksaan kapal dagang. Ianya juga bertujuan mendedahkan peserta kepada sistem perundangan negara dan antarabangsa berkaitan dengan maritim.



Latihan Mencari dan Menyelamat Maritim.

LATIHAN MENGELEDAH BERSAMA UNITED STATE COST GUARD

Latihan menggeledah ini telah dikoordinasikan bersama dengan Unit Dasar Latihan, Ibu Pejabat. Sebanyak 3 kursus telah dilaksanakan iaitu:

1. *Basic Boarding*: 3 - 7 Ogos 2009
2. *Advance Boarding Instructor Course*: 19 Oktober - 6 November 2009
3. *Small Boat Operation Advance*: 8 - 20 November 2009

Kesemua kursus dilaksanakan di DM 14 Labuan. Peserta kursus terdiri daripada warga kapal dan bot dari semua wilayah.

TIM PENILAI EKSESAIS

Unit ini telah dilantik sebagai Tim Penilai untuk semua eksesaiss yang dilaksanakan di dalam organisasi APMM. Sepanjang tahun ini terdapat tiga Eksesaiss Penguatkuasaan Maritim yang dinilai oleh Unit ini.

TIPS PENGUATKUASAAN

Sebanyak lima tip penguatkuasaan dikeluarkan oleh Unit ini sepanjang tahun 2009 untuk dihebahkan kepada semua pegawai penguat kuasa:

1. Penjagaan dan senggaraan butang sarung peralatan menggeledah - 10 Mac 2009.
2. Keperluan senggaraan *teleflex cable* bagi **local control** jentera utama - 8 April 2009.
3. Kebanjiran di bilik jentera - 30 Jun 2009.
4. *Painter line* rakit keselamatan - 10 September 2009.
5. Kebakaran minyak petrol di *tiller Flat* - 26 Oktober 2009.



Latihan pendaratan helikopter AS365 N3 Dauphin di atas KM Langkawi.

AKTIVITI PERHUBUNGAN AWAM

PELANGGAN

Sebagai agensi penguat kuasa maritim, pelanggan utama APMM ialah; *stakeholders*, komuniti maritim dan orang ramai yang berurusan dengan APMM.

Komuniti maritim merupakan kelompok terbesar yang terdiri daripada masyarakat nelayan dan penduduk berhampiran pesisir pantai dan pulau. Mereka ini merupakan rakyat yang majoritinya mencari rezeki di laut dan menyumbang kepada industri perikanan negara.

Selain itu, kumpulan pengusaha, pedagang dan pekerja bagi industri maritim, perkhidmatan, pengangkutan dan perhotelan juga merupakan pelanggan APMM yang penting kerana mereka adalah kumpulan yang menyumbangkan kepada ekonomi negara.

Begitu juga dengan pengguna-pengguna dan para pelancong tempatan dan antarabangsa yang menggunakan laut untuk melakukan urusan seharian serta beriadah. Selain membantu perkembangan ekonomi industri maritim negara, mereka juga adalah pelanggan yang mampu menghebahkan imej negara.

Akhir sekali ialah warga APMM. Kumpulan ini juga merupakan kumpulan penting untuk diuruskan dengan sebaik mungkin kerana ia menyumbang secara langsung kepada penyampaian perkhidmatan APMM kepada *stakeholders* dan rakyat umum.

Untuk memastikan perkhidmatan dapat memenuhi kehendak pelanggan, pengurusan perhubungan antara APMM dan pelanggan menumpukan kepada misi perkhidmatan pelanggan iaitu **PANTAS, TEGAS, ADIL**.

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

PANTAS

Setiap sistem yang ada dalam APMM dirancang supaya dapat melaksanakan segala tugas dengan cepat kerana sebarang tindakan yang lambat boleh menjejaskan pelaksanaan undang-undang negara dan boleh meletakkan nyawa dan harta benda pelanggan dalam bahaya. Aset-aset yang diperolehi juga mendukung prinsip pantas ini. Cepak dan tangkas dalam bertindak atau memberi respon sebaik sahaja menerima aduan atau permohonan bantuan dapat memastikan penguatkuasaan yang berkesan.

TEGAS

Ketegasan merupakan sikap yang tidak berkompromi dengan perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan undang-undang. Sikap ini penting untuk memberi mesej kepada para pelanggan bahawa anggota penguat kuasa APMM melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi, komitmen, jujur, disiplin, berintegriti, profesional dan amanah demi menjaga keamanan, keselamatan dan kesejahteraan pelanggan dan perairan negara daripada sebarang elemen-elemen negatif yang akhirnya boleh merosakkan atau menjejaskan kepentingan pelanggan.

ADIL


Setiap pelanggan akan dilayan secara sama rata mengikut prinsip “satu undang-undang untuk semua” bagi mengelakkan pelanggaran peraturan dan undang-undang negara tanpa mengira kedudukan, pangkat dan pengaruh mana-mana pihak. Ia juga untuk menentukan pelanggan sentiasa mendapat layanan yang adil, saksama dan dihormati supaya kepentingan pelanggan secara keseluruhannya terus terjamin.

PENGURUSAN ADUAN

Selaras dengan keperluan PKPA Bil 1/2009 – Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam JPM 24 Feb 2009, Jawatankuasa Pengurusan Aduan APMM ditubuhkan bagi mengurus, memantau dan memastikan aduan awam dilaksanakan secara menyeluruh.

Penubuhan Jawatankuasa tersebut juga adalah salah satu tindakan untuk membantu agensi dalam usaha membaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan.

Jawatankuasa Pengurusan Aduan APMM



AHLI-AHLI IBUPEJABAT APMM

1. Pengarah Cawangan Perisikan
2. Pengarah Cawangan Siasatan Undang-Undang
3. Pengarah Cawangan Cawangan Pendidikan dan Latihan
4. Pengarah Dasar Maritim Perhubungan Antarabangsa
5. Pengarah Cawangan Perancangan Strategik
6. Ketua Pasukan Tindakan Khas
7. Ketua Unit Latihan Operasi
8. Pengarah Cawangan Penguatkuasaan dan Eksesais
9. Pengarah Carilamat dan Bantuan Bencana
10. Pengarah Cawangan Operasi Udara
11. Pengarah Cawangan Bantuan Pertahanan
12. Pengarah Cawangan C3I
13. Pengarah Cawangan Siasatan Jenayah Maritim
14. Pengarah Cawangan Pembangunan Aset
15. Pengarah Cawangan Pengurusan Projek
16. Pengarah Cawangan Angkut
17. Pengarah Cawangan Bekalan Am
18. Pengarah Cawangan Kejuruteraan Merin
19. Pengarah Cawangan Sumber Manusia
20. Pengarah Cawangan Pentadbiran dan Keurusetiaan
21. Pengarah Cawangan Naziran/Tim Perintis Pengurusan Aset
22. Pengarah Cawangan Perolehan
23. Pengarah Cawangan Kewangan dan Belanjawan
24. Pengarah Cawangan Teknologi Maklumat
25. Pengarah Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim
26. Pengarah SWASLA


AHLI-AHLI WILAYAH MARITIM

1. Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah Utara
2. Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah Selatan
3. Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah Timur
4. Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah Sarawak
5. Ketua Penguat Kuasa Maritim Wilayah Sabah

PEGAWAI PENGESAH


1. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
3. Timbalan Ketua Pengarah (Lojistik)

STATISTIK ADUAN JAN – DIS 2009



Daripada 50 aduan yang diterima, 40 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja iaitu mengikut ketetapan dalam PKPA Bil 1/2008- Penambahbaikan Pengurusan Aduan. Manakala 10 lagi aduan; 3 selesai 16-20 hari dan 7 aduan diselesaikan dalam tempoh 21-30 hari bekerja.

JUMLAH ADUAN MENGIKUT KATEGORI



Jumlah Keseluruhan : 50 Aduan

Saluran Komunikasi

Kemudahan yang disediakan untuk pelanggan berurusan di samping berusaha untuk memenuhi ekspektasi pelanggan ialah Hotline, My Sms, e-Aduan, Laman Web dan Dialog.

Kemudahan yang disediakan merangkumi di dalam dan di luar pejabat APMM sesuai dengan peranannya selaku agensi penguat kuasa maritim yang bukan bersifat kaunter secara total. APMM memberi tumpuan kepada penyediaan saluran komunikasi 24 jam seperti *hotline* Pusat Operasi Maritim (POMAR) yang terdapat di ibu pejabat, 5 Wilayah dan 18 Daerah Maritim. Para pelanggan boleh menghubungi APMM dan melaporkan sebarang maklumat terutamanya

maklumat jenayah dan kecemasan yang berlaku di perairan negara dengan segera.

E-aduan, Mysms dan e-mel merupakan perkhidmatan yang disediakan untuk membolehkan para pelanggan menyalurkan maklumat tanpa mengira tempat dan masa dengan mudah.


Dialog ialah platform komunikasi yang dianjurkan oleh APMM untuk memberi ruang kepada pelanggan terutamanya para nelayan berinteraksi secara bersemuka dengan anggota-anggota penguat kuasa bagi menyelesaikan permasalahan semasa yang dihadapi. Kaedah ini dilaksanakan di semua Wilayah, Daerah dan Pangkalan Maritim.

AKTIVITI PROMOSI

Usaha promosi bertujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa tentang peranan APMM dalam penguatkuasaan dan carilamat. Inisiatif promosi dilaksanakan menerusi pelbagai medium sama ada media cetak, elektronik, media maya mahupun pameran.

Pameran


Sebanyak 63 termasuk 3 pameran bertaraf antarabangsa telah dilaksanakan di peringkat ibu pejabat APMM, Wilayah Maritim dan Daerah Maritim. Pameran-pameran ini telah memperkenalkan fungsi dan kerjaya APMM serta meningkatkan kesedaran orang awam terhadap perkara keselamatan dan kesalahan/jenayah maritim.




Media Cetak dan Elektronik.

Liputan media tertumpu kepada aktiviti operasi penguatkuasaan, carilamat, perkembangan semasa hal ehwal korporat dan khidmat komuniti. Jumlah berita disiarkan di media cetak ialah 1226 berita (*Total Exposure Volume* 300,903.00 cm²) dan media elektronik ialah 138 kali (*Total Exposure Volume* 15,596.00 sec). Selain itu, sebanyak 16 rancangan khas tentang APMM telah disiarkan menerusi program-program di media elektronik termasuk satu program dokumentari bertaraf antarabangsa yang disiarkan di stesen televisyen United Kingdom.


**Analisa Liputan Media
(Akhbar dan Televisyen)**




**Jumlah/Peratusan Artikel
Mengikut Kategori**



Nada Artikel (Akhbar dan TV)



Prestasi Pulangan Pelaburan (Return of Investment) dan Nada (Tonality)



Laman Web APMM

Sebanyak 886 berita telah disalurkan oleh staf perhubungan awam di Ibu Pejabat, Wilayah dan Daerah Maritim di seluruh negara.

Tujuan utama penyiaran berita di laman web APMM adalah untuk mempertingkatkan kemudahan masyarakat tempatan, antarabangsa dan warga APMM mengakses berita-berita APMM dari masa ke semasa. Selain itu, ianya berfungsi sebagai sumber rujukan kepada pihak-pihak tertentu, terutamanya pihak media yang kemudiannya akan menyalurkan berita-berita berkaitan menerusi media mereka.

Penerbitan Majalah dan Brosur



Penerbitan majalah berkala dan brosur adalah untuk meningkatkan usaha promosi APMM kepada orang ramai. Sebanyak dua Majalah Satria Maritim (edisi pertama – Jun 2009 dan edisi kedua - Dis 2009) telah diterbitkan secara *in house* yang diedarkan kepada 2,000 kumpulan sasar terdiri daripada *stakeholders*, komuniti maritim, institusi pengajian tinggi dan perpustakaan.

Sementara itu, sejumlah 10,000 keping brosur APMM (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) telah dicetak dan diedarkan kepada pengunjung-pengunjung pameran yang disertai di seluruh negara.




PROGRAM KOMUNITI MARITIM

Sebagai sebuah agensi yang baru, APMM melihat hubungan kerjasama yang baik perlu diwujudkan di antara agensi ini dengan komuniti maritim yang merangkumi mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di dalam komuniti tersebut. Dalam usaha memperkenalkan diri dan menjalin hubungan kerjasama yang baik di kalangan komuniti maritim tersebut, bermula pada tahun 2007, agensi ini melaksanakan pelbagai program yang berbentuk aktiviti kemasyarakatan menerusi Jawatankuasa Geraksaraf APMM.

Semenjak itu, APMM terus merangka strategi melalui pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan bagi mendampingi komuniti maritim agar kehadiran agensi dapat dirasai, diterima dan seterusnya disenangi di kalangan mereka.

**Statistik Program/Aktiviti
Mengikut Wilayah Maritim Tahun 2007-2009**



Antara program serta aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ini di kawasan komuniti maritim khususnya di perkampungan nelayan adalah:

1. Aktiviti membaikpulihan/membaiki prasarana asas bagi keperluan serta kegunaan majoriti penduduk disesuatu kawasan seperti pembaikan surau/madrasah yang uzur, jeti nelayan, kediaman anak-anak yatim dan lain-lain infrastruktur asas yang memerlukan diperbaiki.
2. Penyampaian sumbangan berupa pakaian, barangan dapur, kuih muih dan barang-barang keperluan asas kepada golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan pelajar-pelajar sekolah di kalangan anak-anak nelayan.
3. Gotong-royong kerja-kerja pembersihan kawasan dan mengecat sekolah, balai raya, bangunan, tanah perkuburan dan lain-lain.

4. Majlis berbuka puasa dan ramah mesra Hari Raya bersama-sama komuniti maritim dianjurkan secara usaha sama dengan penduduk setempat.

Menyedari kepentingan kefahaman berkaitan keselamatan di laut, undang-undang maritim dan tugas-tugas penguatkuasan yang dilaksanakan oleh agensi ini, maka majlis-majlis dialog, penerangan/ceramah turut diadakan sebagai satu forum kepada komuniti maritim mendapatkan maklumat dan penerangan terhadap segala permasalahan yang berhubungkait dengan keselamatan, peraturan-peraturan serta undang-undang di zon maritim negara.



Program Jiwa Murni di Perkampungan Nelayan, Kunak, Tawau.



BAHAGIAN OPERASI



BAHAGIAN OPERASI

KONSEP OPERASI

Operasi APMM dilaksanakan berpandukan konsep pembahagian kawasan tanggungjawab Wilayah, Daerah, Pangkalan dan Pos Maritim. Ibu pejabat APMM di Putrajaya mengeluarkan dasar-dasar operasi dan pelaksanaan operasi dilaksanakan oleh 5 Wilayah Maritim iaitu Wilayah Maritim Utara (WILUTA), Wilayah Maritim Selatan (WILSEL), Wilayah Maritim Timur (WILTIM) Wilayah Maritim Serawak (WILSAR) dan Wilayah Maritim Sabah (WILSAB).

Wilayah Maritim dibahagi kepada 18 Daerah Maritim, 18 Pangkalan Maritim dan 7 Pos Maritim. Struktur organisasi APMM adalah seperti di Rajah 1 yang ditempatkan secara strategik dalam menentukan *Maritime Domain Awareness* (MDA) dapat dilaksanakan dengan berkesan. Aset - aset diagihkan kepada Wilayah Maritim mengikut kesesuaian persekitaran operasi. Kawasan operasi maritim di Zon Maritim Malaysia (ZMM) adalah seperti di Rajah 2 dan 3. Jumlah aset APMM seperti disenaraikan di Rajah 4.


Bagi mendukung misi APMM, satu pelan tindak telah dirangka bagi memberi perhatian dan fokus utama kepada strategi keselamatan maritim yang berdasarkan kepada prinsip berikut :



Rajah 1 : Struktur Organisasi APMM mengikut Wilayah, Daerah, Pangkalan dan Pos



Rajah 2 : Kawasan operasi Daerah-Daerah Maritim di Semenanjung. Melainkan Daerah Maritim 6 dan 7 mewakili Negeri Johor, setiap Daerah Maritim mewakili sebuah negeri.



Rajah 3 : Daerah-Daerah Maritim di Sarawak dan Sabah. Wilayah Maritim Sarawak berpusat di Kuching sementara Kota Kinabalu menjadi Pusat Pentadbiran Wilayah Maritim Sarawak.

KAPAL/BOT/PESAWAT	JUMLAH
KELAS LANGKAWI	2
KELAS LATIHAN	1
KELAS SIPADAN	15
KELAS GAGAH	15
KELAS RAMUNIA	5
KELAS RHU	2
KELAS SEMILANG	4
KELAS MALAWALI	4
KELAS NUSA	2
BOT RHIB	55
LAIN-LAIN BOT	21
HELIKOPTER (DAUPHIN)	3
PESAWAT (CL415)	2

Rajah 4 : APMM memiliki 126 vesel, Helikopter dan Pesawat Amfibi untuk melaksanakan tugas-tugas di Zon Maritim Malaysia.

a. Kesedaran Persekitaran Maritim (*Maritime Domain Awareness*)

Strategi ini memerlukan kesedaran situasi persekitaran maritim negara sepenuhnya untuk menentukan kawalan yang efektif di ZMM.



b. Cegah Rintang Yang Nyata (*Visible Deterrent*).

Strategi ini memerlukan kehadiran aset APMM di ZMM sebagai cegah rintang atau deteren kepada mana-mana anasir yang ingin melakukan kesalahan undang-undang atau mencerooboh.

c. Bertindak Pantas (*Swift Responses*).

Strategi ini menuntut aset APMM mempunyai kemampuan untuk bertindak pantas dalam menangani sebarang kes-kes pencerobohan, pelanggaran perundangan, adua serta panggilan kecemasan di laut selaras dengan kepaiawaian yang ditetapkan.

d. Memperaga Kehadiran (*Ever Present*).

APMM perlu mempunyai kemampuan dan keupayaan dalam semua keadaan siang dan malam, cuaca baik atau buruk, 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun dalam memperaga kehadiran di ZMM khususnya di kawasan yang berkepentingan (*area of interests*) dan kawasan panas jenayah.

e. Jangkauan Hadapan (*Forward Reaching*).

APMM perlu berkeupayaan beroperasi dengan efektif melampaui ZMM bagi menangani sebarang pencerobohan secara proaktif dan tugas-tugas CARILAMAT di kawasan *Malaysian Search and Rescue Region* (MSAR).

f. Kerjasama Komuniti Maritim (*Maritime Community Cooperation*).

APMM memerlukan kerjasama komuniti maritim memandangkan kawasan operasi yang luas serta kekangan aset. Justeru itu, jaringan kerjasama yang akrab perlu wujud antara APMM dengan Agensi Penguat Kuasa Maritim dalam dan luar negara supaya dapat saling membantu.

APMM berperanan menguatkuasakan lebih daripada 110 undang-undang persekutuan dalam mencegah perlakuan jenayah di ZMM. Dalam usaha memainkan peranan dengan berkesan, APMM telah menggunapakai inisiatif inisiatif berikut:

- Melaksanakan fungsi agensi berlandaskan doktrin, PROTAP serta peraturan yang mantap, relevan dan kemaskini.
- Memperluas dan memperkasakan *maritime domain awareness* di kalangan komuniti maritim.



- Mengoptimumkan penugasan aset dan sumber lain dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan.
- Mengoptimumkan jaringan *Command, Control, Commucation and Information (C3I)* dengan berkesan.
- Mempertingkatkan *interoperability* dengan agensi penguatkuasaan maritim lain dengan berkesan.
- Mempertingkatkan usaha diplomasi APMM di kawasan maritim serta menjalin jaringan kerjasama yang berkesan dengan agensi penguatkuasaan maritim dalam dan luar negara.
- Mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.
- Mewujudkan deteren secara berterusan di kawasan maritim.

JENIS-JENIS OPERASI PENGUATKUASAAN

Dalam mendukung keselamatan dan keamanan di ZMM, pelbagai jenis operasi telah dijalankan oleh APMM di lapangan. Jenis-jenis operasi

boleh dikategorikan seperti berikut:

- a. Operasi Berjadual
- b. Operasi Tidak Berjadual
- c. Operasi Khas
- d. Operasi Mencari dan Menyelamat
- e. Operasi Bersepadu
- f. Operasi Terkoordinasi
- g. Operasi Bersama
- h. Operasi Pelantar Bantuan

PELAKSANAAN OPERASI

Lima (5) Wilayah Maritim melaksanakan pelbagai jenis operasi di wilayah masing-masing mengikut polisi dan dasar yang telah ditetapkan oleh Ibu pejabat APMM.

a. **Ops Satria Utara** – Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Utara (WILUTA) pada 30 Nov 2005. Kawasan rondaan adalah sekitar perairan Selat Melaka Utara dan kawasan panas (*hotspot*) adalah di antara perairan Pulau Jarak hingga ke Pulau Perak dan persempadanan Malaysia-Thailand di Pulau Langkawi dan Kuala Perlis. Kapal-kapal Maritim WILUTA melaksanakan rondaan berjadual untuk memberi deteren kepada pesalah-pesalah undang-undang di samping menguatkuasakan Akta 633. Kawasan ini terdedah kepada pencerobohan nelayan asing dan gangguan pihak berkuasa asing ke atas nelayan-nelayan Malaysia di sempadan Malaysia-Indonesia.



Rajah 5 : Wilayah Maritim Utara (WILUTA) mengawal 3 Daerah Maritim. DM 1 Langkawi menjaga perairan Negeri Kedah, DM 2 Negeri Pulau Pinang mengawal perairan Negeri Pulau Pinang dan DM 3 Lumut mengawasi perairan Negeri Perak.

b. **Ops Satria Selatan** - Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Selatan mulai 30 Nov 2005. Kawasan rondaan adalah sekitar perairan Selat Melaka Selatan. Rondaan harian menumpukan kepada penguatkuasaan Akta Perikanan, Akta Kastam, Akta Imigresen, Ordinan Perkapalan

Saudagar, Akta Kualiti Alam Sekeliling, Kanun Tanah Negara (penyeludupan pasir), Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 dan Akta Pencegahan Rasuah. Kawasan *hotspot* adalah tertumpu di perairan Sabak Bernam, Sekinchan, Pelabuhan Kelang, Morib, Kuala Langat, Kuala Linggi, Batu Pahat dan Tg Piai. Tangkapan mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar dan Akta Perikanan masih mendominasi jumlah besar tangkapan kesalahan undang-undang di kawasan operasi.



Rajah 6 : Wilayah Maritim Selatan (WILSEL) terbahagi kepada 4 Daerah Maritim. DM 4 Klang mengawal perairan Negeri Sembilan dan Melaka sementara DM 6 Johor Bahru menjaga perairan barat Negeri Johor dan DM 7 Sedili mengawasi perairan timur Negeri Johor.

c. **Ops Perkasa Selatan** – Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Selatan pada 19 Dis 2005. Vesel-vesel dari DM 7 Sedili dan PM Mersing telah diaturgerak untuk menjaga keselamatan perairan di kawasan Johor Timur. Tumpu dikhususkan kepada aktiviti penyeludupan pasir yang disyaki cuba diseludup ke Singapura, bot dan feri yang beroperasi di kawasan yang menjadi tumpuan aktiviti pelancongan. Selain itu, pemantauan aktiviti yang lazimnya seperti kes tumpahan minyak, bersauh di atas kabel dasar laut, pencerobohan nelayan di kawasan taman-taman laut, bersauh tanpa kebenaran di zon larangan, pemindahan dan penerimaan minyak tanpa permit yang sah, penyeludupan keluar/masuk PATI, penyeludupan pasir



Rajah 7 :
DM 7 Sedili mengawasi perairan timur Negeri Johor

dan rokok serta pembersihan tangki tanpa kebenaran. Gugusan pulau-pulau pantai timur Johor dipantau sepenuhnya kerana aktiviti-aktiviti rompakan ke atas kapal dagang dan bot-bot tunda.

d. **Ops Perkasa Timur** – Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Timur 19 Dis 2005. Kawasan rondaan adalah perairan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pencerobohan nelayan asing dari Thailand dan Vietnam merupakan isu utama di mana kawasan pelantar minyak merupakan kawasan *hotspot* bagi kesalahan ini. Selain itu, kes-kes lain adalah kesalahan penggunaan awak-awak asing tanpa permit yang sah, menangkap ikan di kawasan zon larangan, bot laju dan feri membawa penumpang berlebihan dan kesalahan tiada jaket keselamatan ke pulau-pulau peranginan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar.



Rajah 8 : Wilayah Maritim Timur (WILTIM) di bahagikan kepada 3 Daerah Maritim iaitu DM 8 Kuantan yang mengawasi perairan Negeri Pahang, DM 9 Kuala Terengganu yang mengawal perairan Negeri Terengganu sementara DM 10 Tok Bali menjaga perairan Negeri Kelantan.

e. **Ops Permai** – Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Sarawak mulai 1 Sep 2006. Melibatkan rondaan di perairan Sarawak. Kawasan tumpuan rondaan adalah di gugusan Beting Patinggi Ali hingga ke Beting Raja Jarom, perairan Miri, perairan Mukah dan Kuala Igan dan Kuala Baram, perairan Sematan, pulau Talang-Talang, Tg Lobang, Tg Serabang dan Tg Datu.



Rajah 9 : Pusat pentadbiran Wilayah Maritim Sarawak (WILSAR) di Kuching. WILSAR bertanggungjawab ke atas Daerah Maritim iaitu DM 11 Kuching, DM 12 Bintulu dan DM 13 Miri.

f. **Ops Sejahtera** – Dilaksanakan oleh Wilayah Maritim Sabah pada 21 Jun 2006. Rondaan aset ditumpukan kepada kawasan panas jenayah maritim di Tawau, Labuan, Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu. Kesalahan maritim yang sering berlaku melibatkan Akta Kastam 1967, Akta Imigresen 159/63, Akta Perikanan 1985, *Merchant Shipping Ordinance (MSO)* 1952, Akta KPDNHEP, Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Akta Kawalan Bekalan dan Akta Kanun Tanah Negara 1965.




Rajah 10 : Wilayah Maritim Sabah (WILSAB) berpusat di Kota Kinabalu. Daerah-daerah Maritim di bawah WILSAB adalah DM 14 Labuan, DM 15 Kota Kinabalu, DM 16 Kudat, DM 17 Sandakan dan DM 18 Tawau.

PENCAPAIAN OPERASI


Sejak APMM mula beroperasi pada 30 Nov 2005, aset-aset APMM telah melaksanakan rondaan penguatkuasaan yang berkesan dengan pemeriksaan dan tahanan vesel yang melakukan kesalahan dalam perairan ZMM. Jumlah pemeriksaan dan tangkapan meningkat setiap tahun namun peratusan pemeriksaan berbanding tangkapan semakin meningkat. Rajah 11 memaparkan jumlah pemeriksaan dan tangkapan di ZMM bagi tahun 2006-2009. Rajah di bawah menunjukkan jumlah peratusan tangkapan yang dibahagikan dengan jumlah pemeriksaan vesel setiap tahun dari 2006-2009. Melalui linear peratusan penurunan, dapat dibuat kesimpulan bahawa dengan pemeriksaan terhadap vesel yang bertambah, telah berjaya mengurangkan jumlah kesalahan dan jenayah yang berlaku di ZMM.

Jumlah tangkapan pada tahun 2009 boleh dipecahkan kepada Tangkapan Mengikut Akta yang mana setiap pesalah didakwa atas kesalahan yang berbeza-beza. Rajah 13 menunjukkan Tangkapan Mengikut Akta bagi Tahun 2009.




Rajah 11 : Graf menunjukkan peningkatan jumlah pemeriksaan dan tangkapan setiap tahun di ZMM

PERATUSAN PERBANDINGAN PEMERIKSAAN DAN TANGKAPAN 2006 - 2009




Rajah 12 : Graf jumlah tangkapan dibahagikan dengan jumlah pemeriksaan dan di darabkan dengan 100 yang menunjukkan penurunan peratusan kes setiap tahun




Rajah 13 : Pecahan tangkapan mengikut akta bagi semua kes kesalahan jenayah di ZMM pada tahun 2009

Pendatang Asing Tanpa Izin

Pembangunan pesat ekonomi Malaysia telah menjana keperluan tenaga kerja pekerja asing yang dipenuhi melalui cara yang sah dan haram. Pertambahan pekerja asing yang sah dari 290,000 orang pada tahun 1990 telah meningkat kepada 1.8 juta orang pada tahun 2006. APMN telah mengambil langkah efektif dalam membendung kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) melalui jalan laut dengan jumlah tangkapan keseluruhan sejak mula beroperasi pada tahun 2005 sehingga 2009 iaitu sebanyak 1170 orang. Jumlah tangkapan PATI meningkat setiap tahun dengan peningkatan kemasukan pekerja asing secara sah dan secara haram di mana tangkapan PATI pada tahun 2009 berjumlah 682 orang. Pecahan tangkapan mengikut warganegara seperti Rajah 14 dan Rajah 15.




Rajah 14 : Pecahan tangkapan PATI mengikut warganegara pada tahun 2009



Rajah 15 : Kes tangkapan PATI mengikut mengikut perairan Negara.

Penyeludupan


Penyeludupan merupakan satu masalah yang perlu ditangani dengan berkesan. Penyeludupan dadah, senjata api dan PATI menyebabkan risiko kepada keselamatan negara, penyeludupan barang-barang kawalan akan merugikan negara dari segi cukai dan subsidi. APMM telah dan sedang berusaha sedaya upaya dalam mengurangkan kes-kes penyeludupan di ZMM. Statistik kejayaan tangkapan kes-kes penyeludupan seperti Rajah 16.



Rajah 16 : Sebanyak 58 kes penyeludupan berjaya diberkas dengan pecahan seperti carta pai di atas

Bot Nelayan Asing


Tangkapan pencerobohan nelayan asing merangkumi 19.5% dari jumlah tangkapan keseluruhan sebanyak 700 kes di bawah Akta Perikanan 1985. Statistik tangkapan pencerobohan nelayan asing didominasi oleh bot nelayan Vietnam yang selalu menceroboh perairan pantai timur Semenanjung dan di Gugusan Beting Patinggi Ali di perairan Sarawak.



Rajah 17 : Sebanyak 137 tangkapan bot nelayan asing di perairan ZMM pada tahun 2009

Pemeriksaan dan Tangkapan Wilayah-Wilayah Maritim.

KPI bagi pemeriksaan pada tahun 2009 adalah sebanyak 1200 pemeriksaan bagi setiap Wilayah Maritim. WILUTA telah berjaya melaksanakan 2708 pemeriksaan (225% melebihi KPI pemeriksaan), WILSEL 2851 pemeriksaan (237%), WILTIM 3801 pemeriksaan (316%), WILSAR 1566 pemeriksaan (130%) dan WILSAB 2579 pemeriksaan (215%). Sementara KPI bagi tangkapan meningkat 10% dari hasil tangkapan pada tahun 2008.



Rajah 18 : Graf tangkapan dan pemeriksaan bagi 5 Wilayah Maritim untuk tahun 2008 hingga 2009


- WILUTA** – Keberkesanan operasi telah ditonjolkan melalui tugas penguatkuasaan yang agresif dan berkesan. Sebanyak 2708 pemeriksaan yang dilakukan dalam tahun 2009 telah meningkat sebanyak 45.5%. Jumlah tangkapan yang dihasilkan meningkat sebanyak 7 kes menjadikan jumlah kes tangkapan (355 kes-2009) yang terbesar untuk tempoh 4 tahun yang lepas.
- WILSEL** – Sejumlah 2851 pemeriksaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 183 pemeriksaan. Hasil dari pemeriksaan tersebut, jumlah tangkapan juga meningkat pada tahun 2009 iaitu 185 kes tangkapan.
- WILTIM** – Peratus kenaikan jumlah pemeriksaan adalah sebanyak 183% melalui pelaksanaan pengoperasian secara berkala dan efisien. Jumlah tangkapan 2009 juga meningkat kepada 136 tangkapan. Strategi operasi yang terancang serta kesiagaan aset yang tinggi terutamanya pengoperasian bot telah membantu meningkatkan peratusan pemeriksaan dan tangkapan pada tahun 2009.
- WILSAR** – Secara keseluruhannya, sebanyak 1566 pemeriksaan vesel telah dilaksanakan pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak 582 pemeriksaan (59% peningkatan). Jumlah tangkapan pula telah meningkat kepada 165 kes tangkapan pada tahun 2009 iaitu pertambahan sebanyak 279%.
- WILSAB** – Pada tahun 2009, sebanyak 2579 pemeriksaan telah dilaksanakan, peningkatan sebanyak 275%. Melalui peratusan pemeriksaan yang tinggi, tangkapan juga telah meningkat sebanyak 182 kes pada tahun 2009 berbanding hanya 78 kes pada tahun 2008.

PELANUNAN DAN ROMPAKAN DI LAUT


Pelanunan dan Rompakan Di laut. Kejadian pelanunan dan rompakan di Selat Melaka pada lewat tahun 1990-an menjadi sangat serius sehingga pernah disenaraikan sebagai zon risiko perang oleh *Lloyds* pada tahun 2005. Penubuhan APMM pada tahun 2004 dan seterusnya pelancaran operasi APMM mulai 30 November 2005 telah menyumbang secara ketara kepada penurunan kejadian pelanunan di Selat Melaka.




Kejadian rompakan di Selat Singapura juga konsisten dan terkawal hasil dari operasi penguatkuasaan dan pengawasan oleh APMM dan lain-lain agensi penguatkuasaan maritim Malaysia dan Singapura. Statistik kejadian rompakan di Selat Singapura adalah seperti di Rajah 20. Sementara itu kejadian rompakan di perairan Malaysia di Laut China Selatan khususnya di perairan antara Pulau Tenggol dan Pulau Aur juga terkawal. Namun demikian, diperhatikan kejadian rompakan ke atas bot tunda mula meningkat.



Rajah 19 : Graf menunjukkan penurunan kes pelanunan dan rompakan di Selat Melaka dari 2004 hingga 2010 selepas penubuhan APMM



Rajah 20 : Kejadian rompakan di Selat Singapura tahun 2004-2009




Rajah 21 : Kejadian rompakan di Laut China Selatan

Keganasan Maritim. Tiada tanda-tanda berlakunya kegiatan keganasan maritim di Zon Maritim Malaysia dikesan atau dilaporkan. Namun demikian APMM akan terus memperaga kehadiran di Zon Maritim Malaysia bagi memastikan Zon Maritim Malaysia selamat untuk komuniti maritim.

KOMPAUN DAN HASIL LELONGAN

Tindakan penguatkuasaan yang berkesan di ZMM menghasilkan pendapatan kepada kerajaan melalui kompaun dan hasil lelongan. Jumlah kompaun tertinggi diperolehi oleh WILUTA iaitu sebanyak RM 481,500.00 sementara hasil lelongan tertinggi pula dijana oleh WILTIM iaitu RM114,368.00. Graf kompaun dan lelongan seperti Rajah 22.



Rajah 22 : Kompaun dan hasil lelongan mengikut Wilayah Maritim pada tahun 2009



OPERASI PENERBANGAN

Operasi Helikopter

- a. Skuadron Helikopter Dauphin dalam tahun 2009 telah beroperasi secara terhad kerana jumlah krew yang belum mencukupi serta boleh operasi untuk siang hari sahaja. Walaupun demikian, operasi helikopter sepanjang tahun 2009 melibatkan pencapaian 708 jam penerbangan. Tumpuan utama operasi pesawat adalah pelaksanaan program latihan lanjutan juruterbang dan anak kapal dalam operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) dan operasi udara maritim menggunakan khidmat jurulatih dari NAVFCO, Perancis.
- b. Skuadron helikopter ditugaskan untuk kesiagaan tugas Mencari dan Menyelamat. Antaranya penerbangan Mencari dan Menyelamat insiden pelanggaran kapal di luar pantai Port Dickson pada 18 Ogos 2009, penerbangan menyelamat pemindahan mangsa kemalangan krew kapal kontena di perairan Tg. Kelisa, Kota Tinggi, Johor ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Baru pada 16 Julai 2009.
- b. Pesawat beroperasi secara terhad mulai Sept 2009 melibatkan tugas penerbangan pengawasan dan rondaan terhad. Pesawat juga terlibat di dalam beberapa tugas memadam api dari udara ke atas kebakaran tanah gambut di kawasan Bestari Jaya, Selangor pada Ogos 2009. Pesawat juga turut membantu operasi memadam api ke atas kebakaran pada kapal logistik TLDM, KD Sri Inderapura di Lumut pada 10 Sep 2009.
- c. Pesawat-pesawat APMM telah terlibat secara aktif di dalam Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi atau LIMA 2009 yang telah diadakan daripada 1 hingga 5 Disember 2009. Penglibatan ini adalah bagi mempamerkan keupayaan operasi pesawat helikopter dan amfibi dengan mengambil bahagian dalam pameran statik dan pertunjukkan /demonstrasi udara di kedua-dua sektor pameran iaitu Udara dan Maritim.

PERISIKAN

Perisikan adalah fungsi utama dalam sesebuah organisasi ataupun agensi yang terlibat di dalam penguatkuasaan ataupun keselamatan untuk dijadikan asas kepada perancangan penguatkuasaan yang lebih efisien dan efektif. Manakala peranan perisikan dibentuk sejajar dengan keperluan operasi penguatkuasaan maritim negara yang menjurus kepada usaha pencegahan terhadap aktiviti-aktiviti melibatkan jenayah maritim seperti penyeludupan, PATI, pencemaran dan rompakan di laut dan lain-lain aktiviti yang menggugat keselamatan perairan negara.

Skuadron Amfibi CL 415

- a. Sepanjang 2009 operasi pesawat melibatkan pencapaian 729 jam sebahagian besar masa operasi pesawat ditumpukan kepada latihan juruterbang dan anak kapal terutamanya dalam operasi pendaratan pesawat di atas air dan juga operasi penyedukan air atau *water scooping* untuk pemadaman api.

SISTEM PENGAWASAN MARITIM (LAUT) MALAYSIA (SWASLA)

Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) telah ditubuhkan pada 27 Mac 1998 dan merupakan pusat pengawasan utama bagi aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara di Selat Melaka. Pusat ini melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisa dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim di sepanjang Selat Melaka. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pejabat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, Perak, 3 buah Pusat Kawalan Daerah (ACC) masing-masing di Langkawi, Klang dan Johor yang mengawal 9 buah tapak radar (RSS). Keupayaan pengawasan SWASLA adalah seperti berikut:

- Memberi maklumat berkaitan sasaran seperti nama vesel, posisi terkini vesel dalam bentuk latitud dan longitud, haluan dan kelajuan.
- Mengemaskini data vesel *Llyods Register* setiap 6 bulan dan menyalurkan maklumat berkaitan kepada yang memerlukan.
- Menukar ikon mengikut kelas kapal.
- Memandu aset APMM ke sasaran vesel yang mencurigakan.
- Merakam audio dan video kejadian secara berasingan.

EKSESAIS TAHUN 2009

Eksesais Penguatkuasaan Maritim – Tujuan eksesais dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kerjasama aset-aset antara Wilayah. Eksesais ini dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun.

Eksesais APMM/US COAST GUARD – Tujuan latihan adalah untuk mewujudkan *interoperability* antara warga APMM dan *US COAST GUARD* dalam aspek komunikasi dan penguatkuasaan di laut.

Eksesais APMM/USCG HIGH ENDURANCE CUTTER BOUTWELL - Tujuan eksesais adalah memberi pendedahan kepada warga APMM dalam prosedur menggeledah dan *personel exchanges* semasa kapal membuat *passage exercise*.

SEAEX THAMAL – APMM telah terlibat dalam

eksesais ini bersama pelbagai agensi maritim dari Malaysia dan Thailand.

KES-KES BERPROFIL TINGGI

Penyeludupan Rokok

- Morib, Selangor - 20 Januari 2009: Sebuah bot pancung tempatan berjaya ditahan 1.5 batu nautika di barat pantai Morib pada jam 2.40 pagi. Siasatan mendapati sebanyak 10,600 karton rokok Gudang Garam berbagai jenama dirampas. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM 681,156.00.
- Tawau, Sabah – 2 Dis 2009. Cubaan menyeludup masuk rokok putih jenama Cannon dari Filipina ke Malaysia sebanyak 920 karton menggunakan bot kumpit Filipina tumpas selepas ditahan di posisi 2 batu nautika timur Pulau Sebatik. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM 380,000.00
- Kuala Langat, Selangor - 30 Disember 2009. Cubaan menyeludup masuk rokok kretek berbagai jenama berjumlah 1500 karton berjaya dipatahkan. Nilai rampasan rokok berjumlah RM 330,000.00.
- Batu Pahat, Johor - 1 Dis 2009. Cubaan menyeludup masuk rokok kretek Indonesia jenama Semporna A, Suria dan Dji Sam Soe sebanyak 1,140 karton ditumpaskan. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM160,000.00.
- Tawau, Sabah – 11 Jan 2009. Cubaan menyeludup rokok sebanyak 624 karton rokok ASTRO dari Indonesia ke Tawau berjaya dipatahkan. Nilai rampasan termasuk cukai dan duti kastam bernilai RM 87,484.00.
- Tawau, Sabah – 28 Nov 2009. Cubaan menyeludup masuk rokok kretek Indonesia jenama Semporna A, Suria dan Dji Sam Soe sebanyak 1,140 karton ke Malaysia tanpa pelepasan cukai kastam bernilai RM 41,809.00 ditumpaskan.

Penyeludupan Haiwan Perlindungan

- Batu Pahat, Johor – 16 Jan 2009. Cubaan menyeludup masuk 65 ekor tenggiling menggunakan bot pancung dari Indonesia

digagalkan. Nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM 120,000.00.

- b. Batu Pahat, Johor – 5 Nov 2009. Cubaan menyeludup masuk 55 ekor tenggiling menggunakan bot fiber dari Indonesia dipatahkan. Bot, OBM dan tenggiling dirampas. Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM 75,000.00.

Barang Kawalan

- a. Tawau, Sabah – 27 Ogos 2009. Sebuah bot jongkong Tobbar 5185 ditahan kerana cuba menyeludup keluar 15,000 kg gula pasir yang dianggarkan bernilai RM 21,750.00.
- b. Tawau, Sabah – 27 Ogos 2009. Sebuah bot jongkong tempatan TW 2831/6 dan sebuah bot jongkong Indonesia, Karya Nelayan berjaya ditahan kerana menyeludup keluar gula pasir ke Indonesia sebanyak 6000 kg. Anggaran rampasan gula tersebut bernilai bernilai RM 8,700.00.

Minuman Keras

- a. Sipitang, Sabah – 16 Apr 2009. Sebuah kapal Malaysia, Jerudong Jaya yang cuba menyeludup keluar minuman keras dari Labuan ditahan sebanyak 2616 tin *Carlsberg* dirampas. Anggaran nilai rampasan RM 56,059.34.
- b. Labuan, Wilayah Persekutuan – 3 Okt 2009. Sebuah lori dan sebuah kereta cuba menyeludup keluar 780 botol minuman keras jenis *Tiger Beer* dari Labuan ke Tanjung Pagar, Sabah tanpa pelepasan cukai kastam ditahan. Anggaran rampasan bernilai RM50,000.00.

Benih Kerang

- a. Kuala Perlis – 12 Feb 2009. Cubaan menyeludup 40 guni benih kerang tumpas apabila sebuah sampan nelayan tempatan ditahan. Anggaran nilai benih kerang yang dirampas adalah RM 32,000.00.
- b. Kuala Perlis – 15 Feb 2009. Sebuah sampan nelayan tempatan dengan nombor pendaftaran PSS 533 telah berjaya ditahan di Jeti Seberang Alor. Anggaran benih kerang

yang ditahan bernilai RM 27,000.00.

Diesel Subsidi

- a. Tawau, Sabah - 31 Mac 2009. Sebuah bot barter trade ditahan kerana cuba menyeludup minyak diesel subsidi sebanyak 15,000 liter. Anggaran rampasan diesel subsidi bernilai RM 27,000.00.
- b. Kuala Perlis, Perlis – 28 Dis 2009. Sebuah sampan kayu ditahan ketika cuba menyeludup keluar minyak diesel subsidi sebanyak 65 tong biru (1300 liter) bernilai RM2210.00.

Penyeludupan Pasir

- a. Tg Piai, Johor - 30 Dis 2009. Bot Tunda Cathay 15 dan baj CSF 2303 telah ditahan ketika cuba untuk menyeludup keluar 3,800 metrik tan pasir. Nilai muatan pasir dianggarkan berjumlah RM100,000.00.
- b. Kota Tinggi, Johor – 20 Mac 2009. Bot Tunda Sea Shore 12 yang sedang menunda baj membawa pasir ditahan berhampiran Kg. Teluk Sengat kerana membawa pasir sungai pasir dianggarkan seberat 2,000 tan bernilai lebih RM 50,000.



CAWANGAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA

LATARBELAKANG


Pada tahun 1983 Malaysia sebagai parti kepada Konvensyen Antarabangsa 1974 telah bersetuju dan menerima 'Safety of Life at Sea' (SOLAS) mengenai tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan Mencari dan Menyelamat (SAR) di kawasan perairan maritim tanggungjawab negara seperti yang dijelaskan dalam SOLAS: Chapter 5 Safety of Navigation, Regulation 15 (a) "Each Contracting Government undertakes to ensure that any necessary arrangement are made for coast watching and for the rescue of persons in distress at sea round its coasts. These arrangements should include the establishment, operation and maintenance of such maritime safety facilities as are deemed practical and necessary."

Bermula pada 6 Jun 2006, APMM telah mengambil alih tugas dan melaksanakan peranan sebagai Penyelaras dalam mengkoordinasikan operasi Mencari dan Menyelamat serta memberi perkhidmatan SAR Maritim di perairan maritim negara. APMM melalui Cawangan CARILAMAT dan Bantuan Bencana, bertanggungjawab untuk membangunkan sistem SAR Maritim di negara ini selaras dengan fungsi utama agensi.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Ogos 2008 telah bersetuju dengan pengambilalihan tanggungjawab SAR Maritim oleh APMM dan telah memutuskan penstrukturan semula Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan dengan melantik Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Mencari dan Menyelamat Kebangsaan (*National Search & Rescue Committee - NSC*).

PERKHIDMATAN DAN PENYELARAS OPERASI SAR MARITIM

APMM dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab sebagai penyelaras operasi SAR telah melalui pelbagai cabaran dalam usaha memenuhi keperluan untuk respon kepada kecemasan yang berlaku di kawasan perairan tanggungjawab negara yang diwartakan. Ini kerana kawasan tanggungjawab Mencari dan Menyelamat Maritim Malaysia (*Maritime Search and Rescue Region - MSSR*) adalah luas di mana ianya meliputi pantai barat Semenanjung Malaysia, dari Selat Melaka hingga ke Laut Andaman, di sebelah Timur Semenanjung Malaysia dari pantai hingga ke Zon Ekonomi Eksklusif (Laut China Selatan) dan di pantai Sabah dan Sarawak hingga ke laut Sulu seperti di Peta 1.



Peta 1: Kawasan MSSR

Selaras dengan peranan sebagai pusat Mencari dan Menyelamat Maritim Malaysia, APMM telah menubuhkan sebuah *Maritime Rescue Coordinating Center (MRCC)* di ibu pejabat APMM, Putrajaya yang dinamakan sebagai MRCC Putrajaya dan lima *Maritime Rescue Sub Center (MRSC)* di wilayah-wilayah APMM iaitu MRSC Langkawi di Wilayah Utara, MRSC Johor Bahru di Wilayah Selatan, MRSC Kuantan di Wilayah Timur, MRSC Kuching di Wilayah Sarawak dan MRSC Kota Kinabalu di Wilayah Sabah dan Labuan. Senarai maklumat dan perhubungan MRCC dan MRSC seperti di Jadual 1.

Nama	Alamat	Telefon	Faksimili	E-mail
MRCC PUTRAJAYA	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 8, One IOI Square, IOI Resort, 62502 PUTRAJAYA	603-8941 3140	603-8941 3129	mrccputrajaya@mmea.gov.my
MRSC LANGKAWI	Pejabat Wilayah Utara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, d/a Pejabat Perikanan Bukit Malut, 0700 LANGKAWI, Kedah	604-966 5307	604-966 9543	
MRSC KUANTAN	Pejabat Wilayah Timur Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Komplek Belia Negeri, Bandar Indera Mahkota, 25200 KUANTAN	609-5734066	609-5734177	
MRSC JOHOR BAHRU	Pejabat Wilayah Selatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 16 & 17, Menara Tabung, Haji Lot 20485, Jln Air Molek, Peti Surat 210, 80720 JOHOR BAHRU	607-2219231	607-222 4739	
MRSC KUCHING	Pejabat Wilayah Sarawak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Lot 11-19, Plaza SIA, Stutong Indah Business Avenue, Jalan setia Raja, 93350 KUCHING	6082-367 943	6082-364 941	
MRSC KOTA KINABALU	Pejabat Wilayah Sabah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat Bawah, 4 & 5 Wisma Dixon, No. 1 Lorong Wisma Dixon, Off jalan Tuaran, Batu 3 ½, 88440 KOTA KINABALU, Sabah	6088-429 803	6088-427 075	

Jadual 1 - Senarai Maklumat dan Perhubungan MRCC dan MRSC

MRCC bertanggungjawab menyelaraskan semua operasi Mencari dan Menyelamat di kawasan MSSR Malaysia dan juga memantau operasi SAR yang dilaksanakan oleh MRSC di kawasan zon maritim wilayah masing-masing. MRCC juga bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan aktiviti bantuan bencana apabila berlakunya sesuatu bencana.

Perkhidmatan SAR oleh MRCC dan MRSC ini adalah 24 jam 7 hari seminggu demi untuk keberkesanan penyelarasan pelaksanaan operasi SAR dan sentiasa bersedia untuk menyelaraskan dan mengerakkan bantuan Mencari dan Menyelamat sekiranya berlaku sebarang kecemasan atau bencana di laut.

Perkhidmatan dan pelaksanaan operasi SAR yang cepat dan berkesan ini dapat mengurangkan kesengsaraan mangsa kecemasan dan juga dapat menghindarkan kehilangan nyawa serta harta benda. Di samping itu juga perkhidmatan yang berkesan akan memberikan gambaran yang positif kepada pandangan masyarakat tempatan dan komuniti maritim serta dapat meyakinkan pihak antarabangsa seperti *International Maritime Organisation (IMO)* dan *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* berkenaan perairan Negara yang selamat dan terkawal serta boleh diharapkan untuk memberi perkhidmatan dan bantuan segera kepada mangsa-mangsa kecemasan di laut. Ini secara tidak langsung akan memberi kebaikan kepada negara dari segi promosi persekitaran maritim yang selamat serta akan menggalakkan pertumbuhan industri pertanian dan pelancongan, perdagangan, rekreasi, perhubungan maritim dan penerbangan sekaligus memberi kesan yang baik kepada pertumbuhan ekonomi negara.


Perkhidmatan Mencari dan Menyelamat Maritim secara amnya didefinisikan sebagai satu kegiatan dan usaha mencari, menolong dan menyelamatkan nyawa manusia yang hilang atau dikhuatiri hilang atau berada dalam satu kejadian yang membahayakan nyawa seseorang semasa dalam pelayaran, penerbangan ataupun bencana tanpa mengambilkira kewarganegaraan

atau status orang berkenaan atau keadaan orang tersebut dijumpai di laut.

Perkhidmatan Mencari dan Menyelamat (SAR) adalah merangkumi aspek pengawasan kecemasan, komunikasi dan koordinasi operasi mencari dan menyelamatkan. Perkhidmatan ini termasuk juga memberi bantuan mendapatkan nasihat perubatan (*Medical Advice*), bantuan awal perubatan kecemasan dan MEDEVAC (*Medical Evacuation*) melalui penggunaan samada pesawat udara, kapal dan bot dari aset kerajaan dan swasta, termasuk kerjasama sukarela dari lain-lain komuniti dan kapal dagang yang ada berhampiran lokasi kejadian kecemasan.


STATISTIK INSIDEN KECEMASAN DI LAUT

Semenjak mengambil alih sebagai penyelaras SAR Maritim Kebangsaan pada 6 Jun 2006 sehingga sekarang, APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 493 kes pelbagai kecemasan yang memerlukan perkhidmatan SAR dan pengaktifan operasi Mencari dan Menyelamat. Kes kecemasan ini dikategorikan seperti pancaran amaran kecemasan kapal (GDMSS), insiden kapal dan bot, insiden kehilangan manusia di laut, insiden pesawat udara di laut, *medevac* dan *medico* (nasihat perubatan). Statistik insiden yang dikendalikan seperti di **Gambarajah 1**.




Gambarajah 1 - Statistik Kes SAR Yang Dikendalikan Dari Tahun 2006-2009

Dari jumlah 493 kes kecemasan yang dikendalikan sebanyak 331 kes melibatkan pelaksanaan operasi Mencari dan Menyelamat yang mana ianya melibatkan sebanyak 1642 mangsa yang menghadapi kecemasan di laut. Seramai 1297 atau 79% dari 1642 mangsa yang terlibat telah berjaya diselamatkan, manakala sebanyak 227 atau 14% mangsa mati dan 7% atau 118 mangsa masih hilang. Statistik status mangsa kecemasan dan statistik peratusan seperti di **Gambarajah 2** dan **Gambarajah 3**. Taburan Vessel in Distress dan People in Distress seperti di **Carta 1** dan **Carta 2**.



Gambarajah 2 - Status Mangsa Kecemasan Dari Tahun 2006-2009



Gambarajah 3 - Peratusan Status Mangsa Kecemasan Dari Tahun 2006-2009




Carta 1 - Peratusan Taburan Vessel in Distress dan People in Distress




Carta 2 - Peratusan Taburan Vessel in Distress dan People in Distress

GDMSS. Dari tahun 2006 sehingga 2009, pancaran amaran MRCC Putrajaya telah menerima sebanyak 111 kes pancaran amaran kecemasan dari kapal melalui sistem GMDSS yang berlaku di kawasan MSRR negara. Respon dan siasatan kepada pancaran amaran kecemasan tersebut mendapati bahawa 94 atau 85% pancaran amaran yang diterima adalah pancaran amaran kecemasan palsu. Manakala 17 atau 15% pancaran amaran kecemasan yang diterima adalah benar, justeru bantuan dan operasi Mencari dan Menyelamat telah dilaksanakan. Statistik pancaran amaran kecemasan kapal GMDSS dan status kesahihan seperti di **Gambarajah 4** dan **Gambarajah 5**.




Gambarajah 4 - Amaran Kecemasan GMDSS Kapal Tahun 2006 hingga 2009



Gambarajah 5 - Status Kesahihan Amaran Kecemasan Tahun 2006 hingga 2009


MEDEVAC. Dari tahun 2006 hingga 2009 sebanyak 42 kes *medevac* iaitu membantu mengeluarkan mangsa kecemasan dari kapal untuk rawatan di hospital telah dilaksanakan. Ini bermakna purata kekerapan permohonan *medevac* adalah 10 kes setiap tahun. Tahun 2006 dan 2007 mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 13 kes untuk tahun 2006 dan 14 kes untuk tahun 2007. MRSC Johor Bahru mencatatkan jumlah bantuan *medevac* yang tertinggi iaitu sebanyak 15 kes dan diikuti oleh MRCC Putrajaya sebanyak 11 kes. Statistik *medevac* yang dilaksanakan seperti di **Gambarajah 6**.




Gambarajah 6 - Pecahan Operasi MEDEVAC yang dilaksanakan

INSIDEN KECEMASAN TAHUN 2009

Tahun 2009 telah mencatatkan jumlah insiden kecemasan di laut yang tertinggi yang telah dikendalikan berbanding dari tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 155 kes. Sebanyak 135 kes melibatkan pelaksanaan operasi Mencari dan Menyelamat, 9 kes melibat operasi pemindahan keluar mangsa kapal yang memerlukan rawatan kecemasan (MEDEVAC) manakala 11 kes adalah pancaran amaran kecemasan kapal GDMSS. Operasi SAR yang dilaksanakan telah membabitkan aset kapal, bot dan aset udara yang ada dari sumber APMM dan agensi bantuan yang lain. Aset yang kerap terlibat untuk bantuan carilamat ialah Bot Kilat kerana ia merupakan aset yang paling sesuai untuk kes kecemasan yang memerlukan kepantasan dan tempoh perjalanan pergi dan balik yang cepat ke tempat kejadian. Statistik insiden kecemasan dan peratusan kes seperti di **Gambarajah 7** dan **Gambarajah 8**.



Gambarajah 7 - Jumlah Kes Yang Dikendalikan Pada Tahun 2009




Gambarajah 8 - Peratusan Kes SAR Tahun 2009

Dari jumlah sebanyak 155 kes insiden kecemasan di laut yang dikendalikan, kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 80 kes atau 52% adalah melibatkan pelaksanaan operasi Mencari dan Menyelamat yang melibatkan insiden kapal dan bot. Kategori insiden yang melibatkan kapal dan bot dibahagikan kepada beberapa kategori insiden seperti kes tenggelam, kes terbakar,

kes bocor, kes berlanggar, kes hilang, kes rosak, kes terbalik dan kes terkandas. Kategori insiden kapal dan bot tenggelam adalah paling tinggi iaitu sebanyak 30 kes atau 37% daripada 80 kes diikuti oleh kerosakan kapal atau bot sebanyak 17 kes atau 21%. Perbandingan kes di antara kapal, bot tunda, feri dan bot- bot (bot nelayan dan bot rekreasi) pula mendapati adalah penyumbang utama kategori insiden kapal dan bot, iaitu bot-bot 55 kes atau 69% dan diikuti dengan feri dan bot penumpang sebanyak 14 kes atau 17%. Statistik Insiden kapal/bot dan peratusan kategori insiden seperti di **Gambarajah 9** dan **Gambarajah 10**.


KATEGORI INSIDEN	NELAYAN/PEMANCING		FERI/BOT PENUMPANG		KAPAL DAGANG		BOT TUNDA/BARGE		KAPAL LAYAR & REKREASI		JUMLAH
	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN	ASING	
TENGGELOM	17	1	5	1		1	1	0	2	2	30
TERBAKAR						3	1			0	4
BOCOR	1		2			1			1	1	6
PELANGGARAN	1		3			2					6
HILANG	7								1	1	9
ROSAK	13	1		1		1				1	17
TERBALIK	3		2								5
TERKANDAS	1					1			1		3
JUMLAH	43	2	12	2		9	2	0	5	5	80

Gambarajah 9 - Kategori & Jenis Insiden Kapal/Bot Tahun 2009




Gambarajah 10 - Peratusan Kategori & Jenis Insiden Kapal dan Bot

Manakala kes kedua terbanyak yang dikendalikan adalah melibatkan mangsa hilang di laut iaitu 55 kes atau 35% dari 155 kes. Kedua-dua kes ini, iaitu insiden kapal/bot dan orang hilang di laut telah menyumbangkan jumlah mangsa kecemasan sebanyak 574 mangsa, yang tertinggi sejak 4 tahun sebelumnya, di mana 424 atau 74% mangsa berjaya diselamatkan, 110 mangsa atau 19% mati dan 40 mangsa atau 7% masih hilang. Statistik status mangsa kecemasan dan peratusan seperti di **Gambarajah 11** dan **Gambarajah 12**. Kategori Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2009 dan peratusan seperti di **Gambarajah 13** dan **Gambarajah 14**. Manakala Taburan Jumlah Mangsa, Graf Taburan Jumlah Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah dan peratusan seperti di **Gambarajah 15**, **Gambarajah 16** dan **Gambarajah 17**.




Gambarajah 11 - Status Mangsa Kejadian



Gambarajah 12 - Peratusan Status Mangsa Kejadian 2009

MANGSA	JUMLAH TERLIBAT	SELAMAT	MATI	HILANG
LEMAS DI PANTAI	32	8	23	1
PENYELAM	-	-	-	-
NELAYAN TEMPATAN	225	182	19	24
NELAYAN ASING				
FERI/BOT PENUMPANG TEMPATAN	80	56	19	5
FERI/BOT PENUMPANG ASING	196	147	42	7
LAIN-LAIN	41	31	7	3
JUMLAH	574	424	110	40


Gambarajah 13 - Kategori Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2009




Gambarajah 14 - Kategori Kes Mangsa Kecemasan Tahun 2009

WILAYAH	JUMLAH TERLIBAT	SELAMAT	MATI	HILANG
WILUTA	93	74	11	8
WILSEL	213	143	54	16
WILTIM	91	77	12	2
WILSAB	153	115	28	10
WILSAR	24	15	5	4
JUMLAH	574	424	110	4

Gambarajah 15 - Taburan Jumlah Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2009




Gambarajah 16 - Graf Taburan Jumlah Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2009




Gambarajah 17 - Peratusan Mangsa Terlibat Mengikut Wilayah Tahun 2009

MEDEVAC. Kes *medevac* yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 9 kes di mana 7 kes di perairan Semenanjung dan 2 kes di Sabah seperti di **Gambarajah 18** dan **Gambarajah 19**.



Gambarajah 18 - Kes Medevac di Semenanjung Malaysia




Gambarajah 19 - Kes Medevac di Sabah

GDMSS. Penerimaan pancaran kecemasan kapal dari sistem GMDSS hanyalah 11 kes yang merupakan jumlah yang terendah sejak tahun 2006. Ini merupakan satu petunjuk yang baik di mana telah timbul kesedaran dari kapal yang belayar di kawasan MSSR Malaysia untuk mengawasi pancaran sistem dan penjagaan peralatan kecemasan dengan baik supaya tidak berlaku pancaran amaran kecemasan palsu. Ini adalah hasil dari usaha tindak balas MRCC Putrajaya yang cepat dalam mengenalpasti kapal dan pemilik kapal yang telah memancarkan amaran kecemasan tersebut untuk verifikasi kesahihan amaran dan mengaktifkan keperluan SAR terhadap kapal berkenaan. Sekiranya amaran adalah palsu, kapten kapal atau pemilik kapal tersebut dikehendaki memajukan sebab berlakunya pancaran tersebut. Tindakan ini secara langsung memberi kesedaran kepada semua perkapalan yang melalui atau berada di dalam kawasan MSSR Malaysia supaya berhati-hati dan mematuhi peraturan Konvensyen SOLAS.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

APMM telah berjaya mencapai matlamat indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan untuk tahun 2009 iaitu pematuhan tempoh respons ketibaan di lokasi kecemasan dalam masa 2 jam iaitu 84%, pencapaian 81.07% dalam pengurangan kehilangan nyawa di laut di mana mangsa yang telah diselamatkan adalah seramai 424 orang. Pencapaian pengurangan nilai kehilangan harta benda di laut adalah 81.65% di mana nilai harta yang dapat diselamatkan ialah sebanyak RM90,611,000. KPI ini memberi pengukuran yang menunjukkan keberkesanan koordinasi operasi SAR oleh APMM dalam menyelamatkan nyawa dan kehilangan harta benda di laut. Statistik KPI seperti di **Gambarajah 20, Gambarajah 21, Gambarajah 22 dan Gambarajah 23.**




Gambarajah 20 - KPI Response Time

HARTA	JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM	%
NILAI SELAMAT (RM)	1,210,000	0	1,310,000	0	5,0120,000	2,000,000	310,000	77,000,000	7,000	77,000	3,180,000	7,000	90,611,000	
NILAI YANG ADA UNTUK DI SELAMAT (RM)	1,210,000	0	2,110,000	0	10,010,000	2,000,000	315,000	92,000,000	10,000	105,000	3,200,000	10,000	110,970,000	81.65%


Gambarajah 21 - KPI Pengurangan Nilai Harta Benda Di Laut

KPI PENGURANGAN KEHILANGAN NYAWA TAHUN 2009



Gambarajah 22 - KPI Pengurangan Kehilangan Nyawa

KPI PENGURANGAN NILAI HARTA TAHUN 2009



Gambarajah 23 - KPI Pengurangan Nilai Harta

AUDIT IMO

APMM melalui MRCC telah diaudit oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (*International Maritime Organization*) apabila Malaysia pertama kalinya menjemput untuk diaudit melalui *Voluntary IMO Member State Audit Scheme* (VIMSAS). Pengauditan ini adalah selaras dengan Konvensyen *Safety of Life at Sea* (SOLAS), 1974, mengenai pelaksanaan peranan agensi sebagai Penyelaras SAR Maritim Kebangsaan sejak mengambilalih tanggungjawab tersebut dari Jabatan Laut Malaysia pada 6 Jun 2006.

Semasa pengauditan itu MRCC hanya menerima 2 teguran iaitu; pertama berkaitan keperluan Solas Peraturan 16 mengenai isyarat menyelamatkan nyawa (*Life Saving Signals*), di mana ianya perlu diadakan di setiap kapal, bot dan pesawat untuk tujuan Mencari dan Menyelamat dan perlu difahami oleh semua anak-anak kapal. Teguran kedua adalah berkaitan senarai dokumen dan publikasi IMO yang sepatutnya ada di MRCC sesuai keperluan *Circular SAR.7/Cir 8*, bertarikh 14 April 2008.

Kedua-dua teguran telah pun diambil tindakan dengan memastikan panduan isyarat tersebut

diletakkan di tempat yang strategik seperti di bilik kemudi untuk kapal/pesawat dan kawasan yang sesuai untuk bot dalam bentuk '*Life Saving Signals Tables*'. Pegawai Memerintah dan Ketua Bot juga telah diarahkan untuk memberi taklimat kepada semua anggota kapal/bot/pesawat mengenai isyarat kecemasan ini. Manakala publikasi dan dokumen yang berkenaan telah diadakan di MRCC.

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN LAUT (PREVENTIVE SAR)

Program ini lebih kepada memberi ceramah dan kesedaran kepada pelaut-pelaut tentang pentingnya membuat persiapan untuk ke laut seperti melengkapi kapal/bot/feri dengan jaket keselamatan, peralatan navigasi, peralatan komunikasi dan juga peralatan mencegah kebakaran. Di samping itu mereka juga di saran untuk menentukan kapal/bot/feri berada dalam keadaan yang baik dan diselenggara mengikut rutin selenggaraan yang betul agar tidak mengalami kerosakan semasa di laut. Mereka juga diberitahu sekiranya terjadi kecemasan atau kecelakaan di laut untuk terus menghubungi APMM agar bantuan atau operasi (SAR) dapat dilaksanakan dengan cepat.

APMM akan terus merancang dan melaksanakan program-program kesedaran dan pencegahan kemalangan di laut dengan mengadakan program “Preventive SAR” kepada komuniti nelayan-nelayan tempatan dan pengusaha-pengusaha feri bagi mengurangkan kes-kes kemalangan di kalangan komuniti ini. Pemantauan dalam aspek keselamatan di laut berbentuk aktiviti kesedaran keselamatan (*safety awareness*) maritim dan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk mengurangkan kemalangan di laut dan kehilangan jiwa dan harta benda di kalangan komuniti maritim perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Operasi bersama Jabatan Laut juga telah dilaksanakan oleh wilayah dengan melakukan pemeriksaan ke atas feri-feri dan bot-bot penumpang dan kompaun telah dikeluarkan bagi pelbagai kesalahan.

Operasi penguatkuasaan ke atas feri penumpang dilaksanakan juga oleh wilayah. Tumpuan operasi adalah feri dan bot penumpang diperiksa supaya pemilik serta pengendali perusahaan ini sentiasa mematuhi syarat lesen serta mematuhi semua aspek keselamatan. Pemilik dan pengendali yang gagal mematuhi peraturan sedia ada akan diambil tindakan undang-undang.

LATIHAN DAN EKSESAIS (SAREX)

Kejayaan operasi Mencari dan Menyelamat mangsa kecemasan tidak akan berhasil tanpa bantuan dan sokongan dari agensi kerajaan yang lain samada dari segi aset, manusia ataupun perkhidmatan kepakaran yang sedia ada pada mereka. Usaha mencari dan menyelamat memerlukan kerjasama semua agensi-agensi bantuan dan sokongan seperti yang terdapat di dalam pelan operasi maritim IAMSAR VOL IV agar operasi SAR dapat dikoordinasi dan dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Sehubungan dengan itu APMM telah menetapkan bahawa SAREX dilaksanakan oleh setiap Wilayah Maritim satu kali dalam setahun dengan melibatkan semua agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung. SAREX ini selain dari untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan anggota dalam mengendalikan pelaksanaan operasi SAR, ianya juga untuk menjalinkan jaringan kerja antara agensi-agensi dan membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) agar segala operasi SAR dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan tanpa sebarang kekeliruan atau percanggahan prosedur.

SAREX telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2009 yang melibatkan personel dan aset dari agensi kerajaan dan swasta untuk meningkatkan kerjasama, kecekapan dan pengetahuan peserta yang terlibat seperti di **Jadual 2**.

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	11-12 Mac 2009	SAREX WILUTA 1/2009 (Maritime SAR Exercise)	Lumut
2	26-28 May 2009	SAREX WILTIM 1/2009 (Maritime SAR Exercise)	Tok Bali Kelantan
3	2-3 Jun 2009	SAREX WILUTA 2/2009 (Maritime SAR Exercise)	Pulau Pinang
4	23-25 Jun 2009	SAREX WILSEL 1/2009 (Maritime SAR Exercise)	Johor Bharu
5	21-23 Jul 2009	SAREX SAB 1/2009 (Maritime SAR Exercise)	Sandakan Sabah
6	14-15 Dis 2009	SAREX WILSAR 1/2009 (Maritime SAR Exercise)	Kuching

Jadual 2 - Pelaksanaan SAREX

ANALISIS KES KECEMASAN

Dari statistik kes-kes kecemasan di laut sepanjang tempoh APMM mengambilalih sebagai Penyelaras SAR maritim pada pertengahan tahun 2006 sehingga berakhir tahun 2009 sebanyak 493 kes kecemasan di

laut telah dikendalikan. Ini bermakna purata kes kecemasan di laut adalah dalam lingkungan 123 setahun.

Kes melibatkan insiden kehilangan orang manusia di laut menyumbang kes kecemasan yang paling tinggi ia itu sebanyak 170 kes atau

35% melibatkan jumlah mangsa seramai 1642 orang. Selain dari insiden kehilangan manusia di sebabkan lemas semasa mandi di laut, sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan kes insiden kapal dan bot yang mencecah sebanyak 161 kes dalam berbagai kategori insiden. Statistik mangsa kecemasan untuk tahun 2009 menunjukkan sebanyak 574 mangsa terlibat. Dari jumlah itu 32 mangsa atau 5.6% disebabkan lemas di pantai, 501 mangsa atau 87% berkaitan dengan insiden kapal dan bot dan 41 mangsa atau 7% di sebabkan oleh lain-lain faktor.

Kes pancaran amaran kecemasan GDMSS untuk 2009 pula menunjukkan penurunan kepada 11 pancaran dari purata 33 pancaran yang diterima untuk 3 tahun sebelumnya. Penurunan ini di lihat sebagai kejayaan APMM dalam menentukan setiap perkapalan mematuhi peraturan konvesyen SOLAS dengan membuat verifikasi setiap pancaran dan meminta kapten atau pemilik kapal memajukan sebab sekiranya pancaran diverifikasikan sebagai palsu.

Kes MEDEVAC sepanjang tempoh tahun 2006 hingga 2009 pula menunjukkan sebanyak 42 kes dengan purata 10.5% setiap tahun. Kes MEDEVAC yang paling tinggi dikendalikan oleh MRSC Johor Bahru iaitu sebanyak 15 kes dan MRCC Putrajaya sebanyak 11 kes adalah bermungkinan disebabkan lokasi kedua-dua tempat adalah berhampiran dengan pelabuhan besar dan juga laluan kapal-kapal iaitu Selat Melaka.

PENGAJARAN (LESSON LEARNT)

Walaupun APMM berjaya mencapai matlamat indek Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan, namun statistik kes insiden melibat

kapal dan bot untuk tahun 2009 menunjukkan peningkatan kes kepada 80 kes dari purata 27 kes setiap tahun untuk tahun 2006 hingga 2008. Peningkatan ini juga akan melibatkan peningkatan jumlah kes manusia kecemasan di laut.

Sehubungan dengan, itu program *preventive SAR* mesti terus dilakukan oleh Wilayah-wilayah dan Dearah-dearah dalam memberi peringatan kepada komuniti maritim terutama kepada golongan nelayan, pengusaha feri dan bot-bot penumpang tentang pentingnya aspek keselamatan di laut diutamakan seperti mengadakan jaket keselamatan, membuat penyelenggaraan berjadual, mengadakan alat perhubungan yang lengkap dan mematuhi laporan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi.

Untuk keberkesanan *preventive SAR*, sesi taklimat mesti disusuli dengan pemeriksaan untuk pematuhan dan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan. Operasi bersama agensi kerajaan yang lain juga perlu diadakan dari masa ke semasa dan jika terdapat pelanggaran peraturan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap meraka yang melakukannya.

SAREX atau latihan SAR yang melibatkan agensi-agensi bantuan dan sokongan juga perlu dilaksanakan oleh setiap Wilayah Maritim setiap tahun demi untuk meningkatkan kerjasama, kecekapan dan pengetahuan peserta yang terlibat supaya pelaksanaan operasi SAR dapat dikoordinasikan dengan lebih berkesan dan efektif.



BAHAGIAN LOGISTIK



BAHAGIAN LOGISTIK

ORGANISASI

Bahagian Logistik terdiri daripada lima Cawangan iaitu:

- a. Cawangan Kejuruteraan.
- b. Cawangan Bekalan.
- c. Cawangan Angkut.
- d. Cawangan Pengurusan Projek.
- e. Cawangan Bangunan & Aset.

FUNGSI

Fungsi utama Bahagian Logistik adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan anggaran belanjawan untuk pembelian, penyelenggaraan dan pembaikan kapal/bot, pesawat udara, alat kelengkapan dan infrastruktur operasi.
- b. Menyediakan spesifikasi teknikal mengenai pembelian dan pengubahsuaian kapal/bot, pesawat udara, alat kelengkapan operasi dan infrastruktur.
- c. Membuat laporan dan penilaian mengenai kapal/bot, pesawat udara dan alat kelengkapan baru.
- d. Merancang dan mengurus stor alatganti bagi keperluan operasi.
- e. Menentukan segala kerja pembaikan dan/atau pembinaan kapal/bot, pesawat udara, alat kelengkapan dan infrastruktur dijalankan dengan teratur, mengikut jadual dan memenuhi spesifikasi.
- f. Memelihara rekod selenggaraan dan kerja-kerja pembaikan mengikut arahan dan peraturan yang ditetapkan.
- g. Menyedia dan mengemaskini inventori kelengkapan dan publikasi kapal/bot, pesawat udara, alat kelengkapan dan infrastruktur.
- h. Mengemukakan laporan tahunan ke Perbendaharaan sebelum 15 Mac tahun berikutnya:
 - i) Laporan Harta Modal dan Inventori.
 - ii) Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori.
 - iii) Laporan Tahunan Pelupusan Aset Alih Kerajaan.
 - iv) Laporan Tindakan Surcaj dan Tatatertib.

PENCAPAIAN 2009

Cawangan Kejuruteraan Marin

Jumlah aset kapal dan bot APMM sehingga 31 Disember 2009 adalah sebanyak 126 buah. Kapal dan bot tersebut telah diselenggarakan melalui kontrak yang dimeterai dengan Syarikat MTU Services (M) Sdn Bhd.

Kaedah senggaraan sedemikian adalah sehaluan dengan APMM yang mana tahap pencapaian kesiapsiagaan operasi - *operational availability* yang dicapai sepanjang tahun 2009 adalah 75.5%. Pencapaian ini boleh dibanggakan kerana peratus pencapaian telah melebihi sasaran sebenar APMM iaitu 70%.

Sepanjang tahun 2009 sejumlah 48 buah kapal dan bot telah siap menjalani senggaraan di limbungan iaitu sebanyak 13 buah menjalani senggaraan *annual docking* dan 35 buah lagi menjalani pembaikan kecemasan.

Cawangan Kejuruteraan Udara

Senggaraan ke atas tiga buah pesawat AS365N3 dilaksanakan secara kontrak oleh Eurocopter Malaysia Bhd yang bertempat di Terminal 3, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Kontrak ini telah berkuatkuasa mulai 6 hb. Ogos 2008 hingga 5 hb. Ogos 2010.

Jumlah jam penerbangan yang dicapai oleh pesawat udara APMM ini adalah seperti carta di bawah.

NO. PESAWAT	TAHUN 2009	KESELURUHAN
M70-01	192.5	608.8
M70-02	320.4	515.5
M70-03	236.1	621.6

Kos senggaraan yang dibayar kepada Syarikat pada tahun 2009 ialah sebanyak RM 13,927,907.20. Tiada masalah serius yang dihadapi oleh pesawat ini kecuali sebuah enjin S/No 24269 (dari pesawat M70-01) mengalami kerosakan akibat kemasukan benda asing (FOD) pada bulan Mei 2009. Enjin ini telah dibaiki dan kosnya ditanggung oleh Kerajaan kerana ianya tidak termasuk di dalam syarat-syarat kontrak PBH (*Power By the Hour*). Purata kebolegunaan (*serviceability*) pesawat AS365N3 pada tahun ini ialah 69.22%.

Senggaraan ke atas dua buah pesawat CL415 M71-01 dan M71-02 pula dilaksanakan oleh syarikat kontraktor Bombardier Canada dengan rakan kongsi tempatan AJ Aeroservices.

Pesawat M71-01 ini telah diterima pada 5 hb. Dis 2008 tetapi hanya mula beroperasi pada tahun 2009. Pesawat kedua M71-02 telah tiba dalam negara pada 16 hb. November 2009 dan sempat mengambil bahagian dalam LIMA 09. Pesawat M71-01 pula seterusnya telah dihantar kembali ke fasilitas Bombardier di Montreal, Canada untuk pemasangan *Mission Equipment* pada 15 hb. Disember 2009. Pesawat ini dijangka siap dipasang dengan *mission equipment* pada bulan Julai 2010.

Jumlah jam penerbangan yang dicapai oleh pesawat ialah seperti carta di bawah.

NO. PESAWAT	JAM PENERBANGAN
M71-01	725.5
M71-02	94.8

Projek pembinaan hangar dan pejabat Stesen Udara Subang telah bermula pada 1 hb. September 2009. Projek ini telah dilaksanakan oleh syarikat kontraktor *NWK Builders Sdn Bhd* dan dikelola oleh JKR. Sehingga hujung tahun 2009 peratus kemajuan projek hanya 2.1 % berbanding dengan jadual perlaksanaan sebanyak 3.31%. Jumlah nilai projek ialah sebanyak RM 51,660,429.74 dan dijangka siap pada 7hb. Mac 2011.

Cawangan Bekalan

Perbelanjaan di bawah harta modal OS 35000 Anggaran Belanja Mengurus (ABM) – Daripada 54 item harta modal yang telah diluluskan untuk perolehan dalam tahun 2009. Prestasi pencapaian perolehan di bawah harta modal bagi tahun ini ialah 99.88%. Perolehan yang tidak berjaya dibekalkan adalah disebabkan pembekal tidak mampu membekal pada tahun semasa atas sebab-sebab di luar jangkaan.

Cawangan Angkut

Kontrak perolehan tiga buah Bas 20 Penumpang yang telah ditandatangani pada 12 hb. Disember 2007, hanya dapat disahkan pembekalannya oleh syarikat Badan Bas pada 29 hb. Mei 2009. Pembekalan ketiga-tiga buah bas ini diterima dengan sepenuhnya selepas semua kerosakan (*defects*) terutamanya sistem pendingin hawa (*air-conditioning system*) perlu berfungsi sepenuhnya.

Cawangan Angkut pada tahun ini telah berjaya melaksanakan pembelian kenderaan operasi sebanyak empat buah iaitu sebuah kenderaan Fortuner 2.7 cc dan tiga buah kenderaan Hilux 2.5 cc yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.5 juta. Kenderaan tersebut telah diagihkan kepada SWASLA, MCID, Pejabat Ketua Pengarah dan Cawangan Angkut Ibu Pejabat APMM.

Cawangan Angkut juga telah melaksanakan pemeriksaan tahunan ke atas semua Wilayah/Daerah/Pangkalan dan Ibu pejabat. Cawangan Angkut telah mengambil pendekatan dengan tidak menetapkan tarikh khusus pemeriksaan di setiap wilayah. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap organisasi prihatin dengan prosedur dan arahan semasa yang dikeluarkan di samping mengambil tindakan pembetulan pada pemeriksaan sebelumnya.

Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Kenderaan telah diadakan pada 20 hb. hingga 24 hb. Mei 2009 di Kalumpang Resort. Seramai 30 orang peserta daripada semua Wilayah telah menghadiri kursus ini. Penceramah daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Di Raja Malaysia dan SPANCO telah meluangkan masa untuk memberi ceramah menurut tajuk-tajuk yang telah dikhususkan.

Cawangan Pengurusan Projek

Sejumlah empat unit peralatan *Electro Optical Surveillance System (EOS)* SAGEM VIGY 10 Mk III telah diperolehi melalui kontrak PERB/PK/4/2005. Syarikat Central Management Catalogue Agency (CMCA) Sdn Bhd. telah terpilih untuk membekalkan peralatan tersebut. Jumlah keseluruhan kontrak adalah RM 9,959,752.44.

EOS tersebut telah berjaya dipasang kepada empat buah kapal pada tahun 2009 seperti yang berikut:

i.	KM Mulia	-	1 Unit
ii.	KM Cekal	-	1 Unit
iii.	KM Gagah	-	1 Unit
iv.	KM Ikhlas	-	1 Unit

Sejumlah sepuluh unit peralatan ROV (*Remotely Operated Vehicle*) telah diperolehi melalui kontrak BHEPMM/JPM/ABP/TO3/2008. Syarikat Star Fest Sdn Bhd. telah terpilih untuk membekal dan

mentauliahkan peralatan tersebut. Peralatan tersebut telah berjaya diagihkan pada pertengahan tahun 2009 seperti berikut:

- i. Wilayah Utara - 2 Unit
- ii. Wilayah Timur - 2 Unit
- iii. Wilayah Selatan - 2 Unit
- iv. Wilayah Sabah - 2 Unit
- v. Wilayah Sarawak - 2 Unit

Sejumlah 17 Unit peralatan *Voyage Data Recorder* telah diperolehi melalui kontrak PERB/PK/4/2005. Syarikat *Central Management Catalogue Agency (CMCA)* Sdn. Bhd. telah terpilih untuk membekalkan peralatan tersebut. Jumlah keseluruhan kontrak adalah RM 6,460,000.00.

Pemasangan peralatan tersebut telah berjaya dilakukan ke atas tujuh belas buah kapal pada tahun 2009 seperti yang berikutnya.

- | | |
|----------------|-----------------|
| i. KM Mulia | ix. KM Pintar |
| ii. KM Gagah | x. KM Tegas |
| iii. KM Amanah | xi. KM Langkawi |
| iv. KM Bistari | xii. KM Jujur |
| v. KM Bangi | xiii. KM Ikhlas |
| vi. KM Adil | xiv. KM Berani |
| vii. KM Cekal | xv. KM Budiman |
| viii. KM Setia | xvi. KM Tabah |
| | xvii. KM Bijak |

Cawangan Bangunan & Aset

Infrastruktur

Projek perintis APMM iaitu Pejabat Daerah Maritim 7, Tanjung Sedili telah berjaya dilancarkan pada penghujung tahun 2008 sehingga kini masih dalam pembinaan. Kerja-kerja pembinaan oleh kontraktor yang berjaya dikelolakan oleh pihak JKR dan dipantau secara langsung oleh JKR Daerah. Semua urusan pembaikan kerosakan dan penyelenggaraan telah berjaya dilakukan hingga 80%.



Bot Kilat (RHIB): Demonstrasi gabungan menyekat pelakuan kesalahan maritim di perairan.



Pesawat amfibia CL415 sedang melakukan penyemburan air dalam operasi memadam kebakaran KD Sri Indrapura di Lumut, Perak pada 10 Dis 2009.



Aset APMM sedang melakukan demonstrasi menyelamatkan tebusan di LIMA 2009, Langkawi, Kedah.



BAHAGIAN PENGURUSAN

CAWANGAN SUMBER MANUSIA

Cawangan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam perancangan, pengambilan dan penempatan tenaga manusia serta kemajuan dan pembangunan dan keutuhan anggota agensi melalui enam unit utama:

- i. Unit Perkhidmatan;
- ii. Unit Kenaikan Pangkat;
- iii. Unit Dasar Latihan Kompetensi dan Peralihan;
- iv. Unit Perancangan Tenaga Manusia dan Pembangunan Organisasi ;
- v. Unit Penganugerahan Keutuhan dan Tatatertib dan
- vi. Unit HRMIS.

UNIT PERKHIDMATAN

Fungsi utama Unit ini adalah:

- i. Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan dan penempatan;
- ii. Mengurus pengesahan lantikan, penetapan gaji masuk, perlanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen;
- iii. Mengkaji, mengemaskini saraan dan kajian elaun kemudahan;
- iv. Memelihara dan mengemaskini rekod anggota;
- v. Menyelia laporan perubahan;
- vi. Memberi perkhidmatan psikologi dan
- vii. Menguruskan pesaraan anggota.

PENGISIAN JAWATAN APM


Jawatan yang telah diluluskan adalah seperti Waran Perjawatan Bil A136 Tahun 2009 dan perinciannya seperti berikut:

SKIM	Perjawatan	Diisi	Kosong	% Pengisian
SKIM X	848	455	393	53.65
Pegawai Penguat Kuasa Maritim				
Pegawai *LLP Penguat Kuasa Maritim	3208	3059	149	95.36
Jumlah Skim X	4056	3514	542	86.64
SKIM GUNASAMA	125	106	19	61.0
*P & P				
Sokongan	166	145	21	87.35
Jumlah Gunasama	291	251	40	86.25
JUMLAH	4347	3765	582	86.61

Catatan

LLP = Lain-lain Pangkat

P&P= Pengurusan dan Profesional



Urusan Pengambilan Pegawai dan Pegawai LLP (2008 dan 2009)

Tahun	LK II Gred X1	Lt. Muda Gred X13	Left. Gred X17
2008	454	33	42
2009	335	38	54

PERBANDINGAN PENCAPAIAN TAHUN 2008 DAN 2009

LANTIKAN BARU

Sepanjang tahun 2009, seramai 335 orang telah diambil sebagai lantikan baru bagi jawatan Gred XI (Laskar Kelas II Maritim). Pengambilan bagi Gred X13 (Leftenan Muda Maritim) dan Gred X17 (Leftenan Maritim) masing-masing adalah seramai 38 orang dan 54 orang. Jumlah keseluruhan untuk jawatan Pegawai dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim adalah sebanyak 427 orang.

PEMINJAMAN, PERTUKARAN SEMENTARA DAN PERTUKARAN TETAP

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2008, peminjaman atau pertukaran sementara adalah kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang bersesuaian dengan keperluan agensi berkenaan. Manakala pertukaran tetap pula ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai sedang dipinjam/ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang dipinjam adalah seperti KAGAT (Kor Agama Tentera Darat), UPNM (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia), PUTD (Pasukan Udara Tentera Darat), PASKAL TLDM (Pasukan Khas Laut) dan TUDM (Juruterbang).

Pencapaian


Pada tahun 2008, APMM mencatat peminjaman dan pertukaran sementara anggota skim X dari perkhidmatan TUDM sahaja iaitu sebanyak 32 orang.

Berdasarkan statistik semasa sehingga tahun 2009, APMM telah mengambil langkah proaktif untuk mempelopori skim perkhidmatan yang lain dan bukannya hanya fokus kepada perkhidmatan TUDM sahaja seperti tahun 2008. Ini jelas kelihatan apabila pada tahun 2009, pertukaran dari KAGAT dan UPNM adalah seramai 2 orang, PUTD seramai 7 orang, PASKAL TLDM seramai 11 orang dan TUDM seramai 22 orang. Secara ringkas, kesemua peminjaman dan pertukaran yang dicapai adalah seramai 42 orang. Ini boleh dilihat pada jadual seperti di bawah:

TAHUN	2009	2008
SKIM	JUMLAH	JUMLAH
KAGAT dan UPNM	2	-
PUTD	7	-
PASKAL TLDM	11	-
TUDM	22	32
JUMLAH BESAR	42	32

Jadual : Lantikan secara Pinjaman/Tukar Sementara Pegawai dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguatkuasa Maritim

Peratusan Pencapaian Pinjaman/ Tukar Sementara Pelbagai Gred Skim X




LANTIKAN KONTRAK

Pencapaian

Pada tahun 2008, seramai 73 anggota bekas pesara tentera dan pesara daripada perkhidmatan lain yang mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh APMM telah diperakukan bagi pelantikan kontrak. Namun pada tahun 2009, angka ini mengalami penyusutan dan mencatat sebanyak 29 orang sahaja.

Ringkasan Perbandingan Urusan Pengambilan untuk Lantikan Tetap, Lantikan Sementara / Pinjaman dan Lantikan Kontrak antara tahun 2008 dan 2009.



Jadual 1: Perbandingan Urusan Pengambilan
Antara Tahun 2008 dan 2009

UNIT DASAR LATIHAN KOMPETENSI DAN PERALIHAN

Fungsi utama Unit ini adalah:

- Mengkaji dan memperaku dasar latihan pegawai dan anggota lain-lain pangkat;
- Mengkaji dan memperaku dasar Penilaian Tahap Kecekapan;
- Urusetia Jawatankuasa Latihan Agensi dan
- Kursus peralihan kepada bakal pesara.

Pembangunan Kompetensi

Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan urusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota APMM dilaksanakan secara terancang selaras dengan peruntukan Pekeliling perkhidmatan Bil. 4 tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 2008.

Keputusan PTK Pegawai Penguat Kuasa Maritim 2008

Jawatan/Gred	Bil. Calon	Aras IV	Aras III	Aras II	Aras I	*TH
Komander (M) X22	26	3	22	1	0	0
Leftenan Komander (M) X20	21	0	14	7	0	0
Leftenan (M) X17/18	23	0	6	15	0	2
Left.Dya (M) X16	28	0	26	2	0	0
Jumlah	98	3	68	25	0	2

Catatan

*TH = Tidak Hadir

Keputusan PTK Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim 2008

Jawatan/Gred	Bil. Calon	Aras IV	Aras III	Aras II	Aras I	*TH
Peg.Waran I (M) X12	8	2	5	1	0	0
Peg.Waran II (M) X10	19	0	13	6	0	0
Bintara Kanan (M) X8	63	0	3	44	14	2
Bintara Muda (M) X6	85	0	5	57	17	6
Laskar Kanan (M) X4	184	0	14	160	3	7
Laskar Kelas I (M) X2	336	0	31	287	6	12
Jumlah	1086	1	225	555	218	87

Keputusan PTK Pegawai Penguat Kuasa Maritim bagi bulan April 2009 dan tempoh peralihan (Nov-Dis 2009)

Jawatan/Gred	Bil. Calon	Aras IV	Aras III	Aras II	Aras I	*TH
Kepten(M) X24	1	1	0	0	0	0
Leftenan (M) X17/18	21	9	9	9	2	1
LefDya (M) X16	2	2	0	0	0	0
Jumlah	24	12	9	9	2	1

Keputusan PTK Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim 2009

Jawatan/Gred	Bil. Calon	Aras IV	Aras III	Aras II	Aras I	*TH
Laskar Kelas I (X2)	549	0	70	303	127	49
Laskar Kanan (X4)	289	1	126	116	24	22
Bintara Kanan (X8)	96	0	11	62	21	2
Bintara Muda (X6)	152	0	18	74	48	14
Jumlah	1086	1	225	555	218	87

Perbandingan Keputusan PTK Pegawai dan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim 2008 dan 2009

		Sesi 1/2008		Sesi 1/2009	
PERKARA	Aras	Bil Calon	%	Bil Calon	%
Lulus cemerlang/ Melepassi Tahap Kompetensi	IV	5	0.6	1	0.1
Melepassi tahap Kompetensi	III	139	17.5	237	21.4
Lulus Bersyarat	II	580	73.1	220	50.8
Tidak melepasi Tahap Kompetensi	I	40	5.0	564	19.8
Tidak Hadir	TH	29	3.7	88	7.9
Jumlah		793	100.0	1110	100.0

Didapati pada tahun 2009, terdapat peningkatan bilangan calon yang mengambil PTK iaitu sebanyak 1,110 orang pegawai berbanding pada 793 orang pegawai pada tahun 2008.

Latihan

Latihan yang dijalankan oleh APMM terbahagi kepada dua iaitu:-

- Latihan dalaman (Kursus asas, Umum/Khusus, BTN dan Undang-Undang)

a.

Tahun	Siri	Kursus Asas (Jumlah Peserta)
2008	Siri 4 ALPHA	24
	Siri 4	232
	Siri 5 ALPHA	0
	Siri 5	194
	Siri 2 (PEGAWAI)	75
2009	Siri 6 ALPHA	10
	Siri 6	133
	Siri 7 ALPHA	180
	Siri 7	5
	Siri 3 (PEGAWAI)	96
JUMLAH		949

Kumpulan Lantikan Bekas Tentera

b.

Tahun	Siri	Kursus Umum/Khusus (Jumlah Peserta)
2008	Siri 4 ALPHA	48
	Siri 4	462
	Siri 5 ALPHA	8
	Siri 5	388
	Siri 2 (PEGAWAI)	148
2009	Siri 6 ALPHA	20
	Siri 6	266
	Siri 7 ALPHA	360
	Siri 7	10
	Siri 3 (PEGAWAI)	192
JUMLAH		1902

Catatan : ALPHA merujuk kepada Kumpulan Lantikan Bekas Tentera

c.

Tahun	Siri	Kursus BTN (Jumlah Peserta)
2008	Siri 4 ALPHA	24
	Siri 4	231
	Siri 5 ALPHA	0
	Siri 5	194
2009	Siri 2 (PEGAWAI)	75
	Siri 6 ALPHA	0
	Siri 6	133
	Siri 7 ALPHA	180
	Siri 7	3
	Siri 3 (PEGAWAI)	96
JUMLAH		936

Catatan : ALPHA merujuk kepada Kumpulan Lantikan Bekas Tentera

d.

Tahun	Siri	Kursus Undang-Undang (Jumlah Peserta)
2008	Siri 4 ALPHA	0
	Siri 4	0
	Siri 5 ALPHA	0
	Siri 5	0
	Siri 2 (PEGAWAI)	75
2009	Siri 6 ALPHA	0
	Siri 6	0
	Siri 7 ALPHA	0
	Siri 7	0
	Siri 3 (PEGAWAI)	96
JUMLAH		171

Catatan : ALPHA merujuk kepada Kumpulan Lantikan Bekas Tentera


Latihan Luar Negara

Pada tahun 2009, sebanyak 29 orang pegawai Penguat Kuasa Maritim dihantar berkursus di negara-negara seperti berikut:

Kursus/Seminar/Latihan	Tarikh	Bil Peserta	Lokasi
<i>Combined Defence Intelligence Analysis And Research Course (CIDRAC)</i>	19 Okt – 5 Nov	1	AUSTRALIA
<i>Advance Security Cooperation</i>	22 Jan – 11 Mac	7	USA
<i>International Maritime Officer Course (IMOC)</i>	25 Mei – 11 Ogos		

Kursus/Seminar/Latihan	Tarikh	Bil Peserta	Lokasi
<i>APCSS – Comprehensive Security Responses To Terrorism</i>	14 Apr – 15 Mei		USA
<i>International Crisis Command And Control</i>	7 – 22 Mei		
<i>Search And Rescue Maritime</i>	3 - 30 Sep		
<i>Maritime Terrorism</i>	5 – 11 Sep		
<i>International Intelligence Fellows Programme</i>	3 – 20 Nov		
<i>Counter Part Training In Special Rescue System</i>	25 – 31 Jan	4	JEPUN
<i>Reinforcement Of Maritime Safety Capability</i>	11 Aug – 5 Mac	2	
<i>Maritime Search, Rescue And Disaster Prevention</i>	17 Aug – 14 Nov	1	
<i>Seminar On Control Of Drugs Offences</i>	23 Sep – 10 Okt	1	
<i>Leadership Development for Information System</i>	5 Okt – 28 Nov	2	
<i>Maritime Law Enforcement</i>	18 Oct –14 Nov	2	
<i>Counterpart Training ICT Enforcement And Investigation</i>	3 – 12 Nov	5	
<i>Maritime Drug Law Enforcement Seminar (Madles)</i>	8 – 10 Dis	1	
<i>Invitation To The International Workshop on Maritime Search And Rescue</i>	16 – 20 Nov	1	KOREA SELATAN
<i>Document Fraud And Illegal Immigration</i>	7 – 11 Dis	2	ITALI

Peratusan Peserta Menghadiri Kursus Luar Negara



UNIT PEMBANGUNAN ORGANISASI (BPO)

BPO berperanan merancang dan mengenalpasti keperluan perjawatan dalam agensi. Pada tahun 2008, APMM menggunakan Waran Perjawatan Bil A96 Tahun 2008 dan keseluruhan perjawatan ialah 4030. Bermula pada Ogos 2009, BPO menjalankan penyusunan semula struktur organisasi dan ini melibatkan pertambahan perjawatan sehingga kepada 4347 perjawatan. Waran baru yang digunakan kini adalah Waran Perjawatan Bil A136.

Perancangan Tenaga Manusia

Melaksanakan perancangan tenaga manusia di peringkat agensi mengikut Garis Panduan 10 Perancangan Tenaga Manusia Sektor Awam 1985 yang dikeluarkan oleh JPA.

PENCAPAIAN 2008

Pecahan Perjawatan Tahun 2008

Jawatan	Bilangan			% Pengisian
	Jawatan	Isi	Kosong	
Pengurusan Tertinggi	4	4	0	100.00
Pegawai Skim X	683	336	347	49.19
*LLP(Skim X)	3082	2543	539	82.51
*PNP (Gunasama)	118	72	46	61.01
Sokongan (Gunasama)	143	107	36	74.82
Jumlah keseluruhan	4030	3062	968	75.98

Catatan : * LLP = Lain-lain Pangkat
 * PNP = Pengurusan dan Profesional

Daripada keseluruhan 4030 jawatan yang ditawarkan pada tahun 2008, terdapat 968 (24.0%) kekosongan jawatan yang melibatkan P&P Gunasama+Kader, P&P Skim X, Sokongan Gunasama+Kader dan Sokongan Skim X. Jumlah perjawatan yang telah diisi adalah sebanyak 3062 orang (75.98%).

Ringkasan Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Mengikut Skim Perkhidmatan Sehingga 28 Disember 2009.

Jawatan	Bilangan			% Pengisian
	Jawatan	Isi	Kosong	
Pengurusan Tertinggi	4	4	0	100.00
Pegawai Skim X	649	326	323	50.23
*LLP(Skim X)	3404	3013	391	88.51
*PNP (Gunasama)	124	98	26	79.03
Sokongan (Gunasama)	166	133	33	80.12
Jumlah keseluruhan	4347	3574	773	82.22

Catatan : * LLP = Lain-lain Pangkat
* PNP = Pengurusan dan Profesional

Perbandingan Pencapaian Pengisian Perjawatan Antara 2008 dan 2009

Berbeza dengan tahun 2008, jumlah perjawatan yang terdapat pada Waran Perjawatan Bil. A/136A Tahun 2009 adalah sebanyak 4347 jawatan. Daripada keseluruhan perjawatan ini, sebanyak 3572 jawatan telah dapat diisi (82.22%). Kekosongan jawatan adalah masih pada peringkat kumpulan perkhidmatan PNP Gunasama + Kader, PNP Skim X, Sokongan Gunasama + Kader dan Sokongan Skim X iaitu sebanyak 775 jawatan. Namun, ini adalah satu pencapaian peningkatan disebabkan peratusan kekosongan jawatan yang tidak diisi adalah hanya sebanyak 17.8% pada tahun 2009 berbanding dengan 24% tahun sebelumnya.

UNIT PENGANUGERAHAN KEUTUHAN DAN TATATERTIB

Bagi tahun 2009, 4 pegawai dan anggota APMM yang layak diperakukan untuk menerima anugerah di peringkat negeri.

Nama Penerima	Negeri	Nama Pingat
Laksamana Pertama Maritim Dato' Che Hassan Bin Jusoh	Pahang	Darjah Indera Mahkota
Laksamana Pertama Maritim Dato' Zammani Bin Mod Amin		Pahang (D.I.M.P)
Kepten Maritim Rahim Bin Abdullah	Kedah	Ahli Mahkota Kedah
Encik Hassan Bin Ahmad		(A.M.K)

UNIT KENAIKAN PANGKAT

Senarai urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan kemajuan pangkat pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:-

Senarai Urusan Kenaikan Pangkat 2008

Urusan	Calon	Urusan
Laksamana Pertama Maritim Gred (X26)	2	2
Kepten Maritim Gred (X24)	25	1
Komander Maritim Gred (X22)	12	1
Leftenan Komander Maritim Gred (X20)	4	1
Pegawai Waran I Maritim Gred (X12)	4	1
Pegawai Waran II Maritim Gred (X10)	3	1
Bintara Kanan Maritim Gred (X8)	4	1
Bintara Muda Maritim Gred (X6)	30	1

Senarai Pemangkuan 2008

Perkara	Calon Di Peraku	Urusan
Laksamana Pertama Maritim Gred (X26)	1	1
Kepten Maritim Gred (X24)	6	1
Komander Maritim Gred (X22)	7	1
Leftenan Komander Maritim Gred (X20)	9	2
Leftenan Maritim Gred (X18)	22	1
Pegawai Waran I Maritim Gred (X12)	9	1
Pegawai Waran II Maritim Gred (X10)	54	1
Bintara Kanan Maritim Gred (X8)	114	1
Bintara Muda Maritim Gred (X6)	179 + 2	2
Bintara Muda Maritim Gred (X6)	2	1
Laskar Kanan Maritim Gred (X4)	361	1

Senarai Pemangkuan 2009

Perkara	Calon Di Peraku	Urusan
Laksamana Pertama Maritim Gred (X26)	1	1
Kepten Maritim Gred (X24)	1	1
Pegawai Waran II Maritim Gred (X10)	6	1
Bintara Kanan Maritim Gred (X8)	6	1

Senarai Kemajuan Pangkat 2008

Perkara	Calon	Urusan (Kali)
Laskar Kelas II Maritim Gred (X1) ke Laskar Kelas I Maritim Gred (X2)	48	2

Senarai Kemajuan Pangkat 2009

Perkara	Calon	Urusan (Kali)
Laskar Kelas II Maritim Gred (X1) Ke Laskar Kelas I Maritim Gred (X2)	1	1

UNIT HRMIS

Human Resource Management Information System (HRMIS) atau Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia adalah satu projek di bawah Aplikasi Perdana Projek Kerajaan Elektronik. APMN merupakan salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang telah dipilih sebagai 'Pilot' Agensi dalam pelaksanaan modul-modul dalam sistem HRMIS.

AKTIVITI-AKTIVITI PENTING HRMIS

Tarikh	Pelaksanaan
Mei	Latihan Aplikasi bagi Ibu Pejabat i. Submodul Pengurusan Saraan (KEW8) ii. Submodul Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) iii. Submodul Perisytiharan Harta
Julai - Ogos	Latihan Aplikasi bagi Wilayah-Wilayah APMN i. Modul Pengurusan Rekod Peribadi ii. Submodul Pengurusan Cuti iii. Submodul Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) iv. Submodul Perisytiharan Harta
Sep - Dis	Latihan Aplikasi HRMIS bagi Jabatan/Agensi di bawah JPM i. Modul Penamatan Perkhidmatan; ii. Modul Perolehan Sumber Manusia iii. Submodul Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Pencapaian Tahun 2008

- Laporan pengemaskinian Maklumat Rekod Peribadi : 88.60%
- Laporan pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan : 74.65%

CAWANGAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Cawangan Pentadbiran dan Keurusetiaan berfungsi menjalankan tugas-tugas Keurusetiaan, Pentadbiran Am, Kualiti & Produktiviti dan Premis.

Unit Keurusetiaan

Unit ini bertanggungjawab menjadi urus setia bagi majlis rasmi dan mesyuarat peringkat Agensi.

Di sepanjang tahun 2009, Unit ini telah menganjurkan sebanyak 9 mesyuarat di peringkat Agensi dan 19 majlis rasmi merangkumi Perhimpunan Bulanan, Majlis Sambutan Hari Raya dan acara rasmi yang lain. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan penyertaan Agensi ini dalam Pameran LIMA 2009. Selain dari itu, Unit ini juga berperanan dalam mengendalikan 22 aktiviti kebajikan yang melibatkan kebajikan anggota Agensi dan juga pihak luar.

Unit Pentadbiran Am

Unit ini telah menganjurkan kursus dan ceramah di peringkat ibu pejabat dan juga peringkat Agensi. Kursus yang telah dianjurkan merangkumi perkara berkaitan keselamatan dokumen/fizikal dan pengendalian dokumen.

Unit ini juga telah mengadakan kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran (PKK) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Putrajaya pada 25-26 Februari 2009. Kursus ini adalah merupakan pendedahan awal bagi pegawai dan anggota dalam menghadapi kecemasan yang mungkin berlaku berkaitan kebakaran. Susulan kursus ini, Latihan

Kebakaran bagi peringkat ibu pejabat juga telah diadakan.

Pegawai-pegawai Agensi juga telah menjalankan tugas sebagai Pegawai Bertugas Parlimen di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi sesi tahun 2009. Selain itu, pihak Agensi juga telah menyediakan maklum balas bagi soalan yang dibangkitkan semasa sesi Dewan Rakyat dan Dewan Negara di sepanjang tahun 2009.

Unit Kualiti

Unit ini bertanggungjawab dalam pembangunan aspek kualiti di Agensi ini. Di sepanjang tahun 2009, beberapa program berkaitan kualiti seperti ceramah, bengkel dan taklimat telah diadakan.

Penubuhan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah Maritim telah dibuat dan kursus berkenaan telah diadakan pada 8-11 April 2009 di INTAN, Kampus Wilayah Selatan.

Bagi menggalakkan amalan 5S, Taklimat Amalan Persekitaran Berkualiti Melalui Pendekatan 5S telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat. Di samping itu, Mesyuarat Pelaksanaan 5S telah diadakan bagi memantau dan menyelaraskan pelaksanaan amalan 5S di Ibu Pejabat.

